



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

■ ■ ■ ■ ■
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN WANITA
KELUARGA DAN MASYARAKAT
LAPORAN TAHUNAN

2020





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

No 55, Persiaran Perdana Presint 4, 62100 Putrajaya, MALAYSIA.

www.kpwkm.gov.my
info@kpwkm.gov.my
twitter.com/kpwkm
www.facebook.com/kpwkm

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.



Kandungan



Laporan Tahunan 2020

4 Sekapur Sireh

Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

6 Visi, Misi, Matlamat dan Objektif

7 Piagam Pelanggan

8 Carta Organisasi

10 Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik

20 Bahagian Hubungan Antarabangsa

27 Bahagian Pembangunan

32 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

37 Bahagian Khidmat Pengurusan

43 Bahagian Akaun

57 Bahagian Kewangan

60 Bahagian Kolaborasi Strategik

76 Unit Komunikasi Korporat

88 Program YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

94 Unit Integriti

97 Unit Audit Dalam

Jabatan / Agensi di bawah KPWKM

107 Jabatan Kemajuan Masyarakat

114 Jabatan Pembangunan Wanita

116 Institut Sosial Malaysia (ISM)

126 Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

130 Lembaga Kaunselor





Sekapur Sireh



**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.**

Salam Sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan izinNya juga, **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)** telah berjaya menerbitkan **Laporan Tahunan 2020**. Laporan Tahunan 2020 ini merekodkan pelbagai pencapaian kementerian bersama Jabatan dan Agensi melaksanakan perkhidmatan sebagai kementerian yang sentiasa menjadi peneraju utama bagi mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang serta sejahtera sebagai asas pembentukan sebuah negara maju yang terbilang.

Sepanjang tahun 2020, KPWKM bersama Jabatan dan Agensi walau pun negara berada di dalam keadaan yang suram dan kawalan kerana wabak Pandemik Covid 19, KPWKM tidak mengabaikan tanggungjawab bagi menyampaikan perkhidmatan sosial kepada pelbagai lapisan masyarakat bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat terlaksana. Syabas dan tahniah kepada semua warga KPWKM bersama Jabatan dan Agensi yang telah mencurahkan tenaga dan keringat serta usaha yang berterusan.

Besarlah harapan kementerian kepada semua warga KPWKM bersama-sama kepimpinan dari Jabatan dan Agensi untuk mempergiatkan usaha dengan penuh komitmen. Pembangunkan dan kesejahteraan rakyat melalui pelbagai teras strategi kementerian yang memberi tumpuan kepada bantuan untuk wanita, keluarga dan masyarakat. Semoga penerbitan Laporan Tahunan 2020 ini menjadi sumber rujukan dan hebahan maklumat kepada umum dalam meningkatkan pengetahuan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan di bawah KPWKM.



YBhg. Dato' Dr. Junaidah binti Kamarruddin

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan
Masyarakat

Visi



Peneraju dalam Pembangunan Masyarakat ke arah kemakmuran bersama.

Misi



Membangun masyarakat sejahtera secara inklusif dan saksama melalui inovasi sosial dan kebijakan produktif.

Matlamat



Membentuk masyarakat yang sejahtera melalui perkongsian tanggungjawab yang strategik dan penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial yang cekap dan berkesan.

Objektif



- 1** Memperkuuh institusi perkahwinan dan kekeluargaan untuk kestabilan sosial;
- 2** Memperkasa wanita dan mengarus perdana gender bagi mencapai kesejahteraan bersama;
- 3** Menjamin hak dan kesejahteraan kanak-kanak bagi mencapai potensi yang optimum;
- 4** Mendaya upaya orang kurang upaya, warga emas dan kumpulan khusus demi kesejahteraan hidup; dan
- 5** Meningkatkan kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan untuk sistem sokongan yang berkesan dan menyeluruh.

Piagam Pelanggan

▪ ▪ ▪ ▪ ▪ ▪

Masa Menunggu Untuk Mendapatkan Perkhidmatan Di Kaunter.

Kami akan melayan anda dalam masa LIMA BELAS (15) minit anda tiba di kaunter perkhidmatan kami.

Pengurusan Aduan/ Pertanyaan

Kami akan mengakui penerimaan aduan/ pertanyaan anda dalam tempoh SATU (1) hari bekerja; Kami akan memberi maklumbalas terhadap aduan/ pertanyaan anda dalam tempoh TIGA (3) hari bekerja.

Bayaran Pembekal Pengurusan

Kami akan memproses bayaran anda (setelah dokumen lengkap) dalam tempoh EMPAT BELAS (14) hari bekerja.

Pendaftar Kaunselor

Kami akan memproses pendaftaran anda (semua dokumen lengkap) dalam tempoh TIGA PULUH (30) hari bekerja.

Carta Organisasi



TIMBALAN MENTERI

YB Dato' Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (OPERASI)

YBrs. Encik Mohd Yusri Bin Mohd Yusoff

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

SUB GRED M54

En. Yazman Bin Yahya

BAHAGIAN KEWANGAN

SUB GRED M54

Pn. Hanani Binti Sidek

BAHAGIAN AKAUN

SUB GRED WA54

Pn. Wan Faridah Binti Wan Yusoff

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

SUB GRED M52

En. Mohd Hanafee Bin A Rahman

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

SUB GRED M52

Pn. Salwana Binti Tan Sri Dato' Mahmood

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

PENGURUS BAHAGIAN GRED F52

Pn. Samihah Binti Adam

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KETUA UNIT GRED 54 (T)

En. Eikmar Rizal Bin Mohd Ripin

UNIT INTEGRITI

KETUA UNIT GRED M52

Pn. Intan Syarina Binti Zainal Abidin

UNIT PENASIHAT UNDANG-UNDANG


KETUA UNIT GRED L52

Pn. Norilawati Binti Ismail

UNIT AUDIT DALAM

KETUA UNIT GRED W52

En. Zunaini bin Alias





Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik





1. Kajian Peluang Pekerjaan OKU di Malaysia.

- Tempoh kajian ialah 10 bulan (11 Mei 2019 hingga 10 Mac 2020).
- Laporan kajian dibentangkan oleh perunding dalam Mesyuarat MKBOKU Bil.1/2021 pada 25 Mac 2021.
- Peruntukan sebanyak RM630,768.90
- Rakan strategik: IIUM Entrepreneurship & Consultancies Sdn. Bhd.

2. Kajian Sistem Sokongan Kepada Penjaga OKU.

- Tempoh kajian ialah 10 bulan (11 Mei 2019 hingga 10 Mac 2020).
- Laporan kajian dibentangkan oleh perunding dalam Mesyuarat MKBOKU Bil.1/2021 pada 25 Mac 2021.
- Peruntukan sebanyak RM816,094.70
- Rakan strategik: Aupa Intelligence Sdn. Bhd.

3. Inisiatif Penyelesaian Isu Pasca Perceraian

- 7 Senarai Program IPP 2020:
 - 13 Februari 2020
Bengkel Libat Urus Bersama Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) JKSM
 - 16 Jun 2020
Bengkel Libat Urus Bersama Jabatan Bantuan Guaman (JBG)
 - 9 September 2020
Bengkel Bagi Membincangkan Isu Berkenaan Pasca Perceraian Dan Penyelesaiannya
 - 30 September 2020 Bengkel Perbincangan Hala Tuju Inisiatif Penyelesaian IPP Bersama JAKOA
 - 15 Oktober 2020
Bengkel Berkenaan Halatuju Perancangan Pasca Pencereraian Bersama UNFPA

- 14 Disember 2020

Bengkel Perbincangan Hala Tuju Inisiatif Penyelesaian IPP Bersama LPPKN

- 15 Disember 2020

Bengkel Penyelarasan Pendaftaran Perkahwinan Bersama JAKOA

• Bilangan institusi: 23

4. Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur

- 1 Majlis Pelancaran Pelan diadakan pada 16 Januari 2020 bertempat di Dewan Perdana Nur.
- Peruntukan sebanyak RM19,000.00
- Bilangan klien yang mendapat manfaat:
 - Kanak-kanak
 - Ibu bapa
 - Kumpulan B40
 - Pihak yang berurusan dengan kanak-kanak (Pegawai dan kakitangan sekolah, kesihatan) Pemimpin tempatan
- Success story:
 - Secara keseluruhan, terdapat 58 program dan tindakan yang akan dilaksanakan oleh agensi sehingga di peringkat akar umbi. Ini adalah termasuk advokasi/ kempen kesedaran mengenai hak kanak-kanak dan implikasi perkahwinan bawah umur.

5. Laporan Susulan terhadap *Concluding Observations CEDAW*

- 1 laporan
- Bilangan klien yang mendapat manfaat:
 - Wanita Malaysia
- Rakan strategik: KLN, AGC

6. Buku Perangkaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2019

- 1 penerbitan Buku Perangkaan KPWKM
- Peruntukan sebanyak RM11,440.00
- Bilangan klien yang mendapat manfaat:
 - Agensi Kerajaan

- Perpustakaan
- Penyelidik
- Pelajar
- Institusi Pengajian Tinggi
- Success story:
Masyarakat adalah penerbitan yang dilaksanakan pada setiap tahun sebagai salah satu inisiatif untuk menyebar luas statistik mengenai kumpulan sasar KWPKM. Penerbitan ini diedarkan kepada beberapa Perpusatakan Negara, Universiti Awam dan beberapa agensi Kerajaan.
- 7. Sesi Konsultasi Dasar Bajet Bersama NGO 2021
 - 1 sesi konsultasi
 - Atas Talian
 - Bilangan klien yang mendapat manfaat:
 - Kumpulan sasar KWPKM
 - Success story:
Sesi Konsultasi Dasar Bajet Bersama NGO dilaksanakan pada setiap tahun bagi mendapatkan cadangan-cadangan bajet untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan (MOF) bagi peruntukan bagi melaksanakan program-program yang boleh memanfaatkan kumpulan sasar KWPKM.
 - Rakan strategik:
 - NGO Wanita
 - NGO OKU
 - NGO Kanak-Kanak

Unit DM

1. Program dan Aktiviti: Pelan Komunikasi Rang Undang-Undang Profesional Kerja Sosial (RUU PKS)

Sepanjang tahun 2020, dalam usaha mempromosikan praktis kerja sosial dan Rang Undang-Undang Profesional Kerja Sosial (RUU PKS) di Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersama-sama dengan ahli Special Project Team (SPT) RUU PKS telah memulakan aktiviti berkaitan pengenalan dan pendedahan berkenaan bidang dan praktis kerja sosial.

Aktiviti ini dilaksanakan melalui pelan komunikasi RUU PKS. Beberapa slot temubual di dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia di saluran RTM TV1 telah dihadiri. Sesi temubual yang telah diaturkan oleh KWPKM adalah “Inisiatif Khidmat Sokongan oleh Pekerja Sosial dan Kaunselor” pada 28 April 2020, “Peranan Pekerja Sosial dalam Komuniti” pada 11 Mei 2020 dan “Pendidikan dan Profesional Kerja Sosial” yang berlangsung pada 12 Mei 2020. Sesi-sesi ini adalah selari dengan keadaan dan keperluan sistem sokongan semasa pandemik.



Temubual dalam Slot Selamat Pagi Malaysia di saluran RTM TV1 Bertajuk “Inisiatif Khidmat Sokongan Oleh Pekerja Sosial Dan Kaunselor” yang telah diadakan pada 28 April 2020



Temubual dalam Slot Selamat Pagi Malaysia di saluran RTM TV1 Bertajuk "Peranan Pekerja Sosial dalam Komuniti" yang telah diadakan pada 11 Mei 2020



Temubual dalam Slot Selamat Pagi Malaysia di saluran RTM TV1 Bertajuk "Pendidikan dan Profesional Kerja Sosial" yang telah diadakan pada 12 Mei 2020

2. Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan dan Watikah Pelantikan Special Project Team Rang Undang Undang Profesional Kerja Sosial (RUU PKS)

Penggubalan Rang Undang-Undang Profesional Kerja Sosial (RUU PKS) merupakan salah satu inisiatif Kementerian dalam usaha meningkatkan kedudukan bidang kerja sosial dan mengiktiraf pekerja sosial sebagai profesional serta bakal menjadi salah satu jawatan pekerjaan yang kritikal dan dianggap sebagai tenaga mahir untuk menampung permintaan bagi usaha mengendalikan kes berkaitan perkhidmatan sosial dan menangani masalah sosial yang semakin kompleks dan kian meningkat di negara ini.

Penggubalan RUU PKS melibatkan pengumpulan input dan pandangan daripada pelbagai kementerian dan jabatan kerajaan, badan profesional, ahli akademik dan individu yang berpengetahuan dan berpengalaman berkenaan profesi kerja sosial yang dilantik melalui penubuhan Special Project Team (SPT) RUU PKS yang telah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian.

Sijil Penghargaan dan Watikah Pelantikan kepada ahli SPT RUU PKS telah disempurnakan oleh Ybhg. Dato' Dr. Junaidah Kamarruddin, Ketua Setiausaha KPWKM semasa Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan dan Watikah Pelantikan SPT RUU PKS pada 26 Ogos 2020 bertempat di Hotel Sunway Putra Kuala Lumpur.



Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan dan Watikah Pelantikan SPT RUU PKS pada 26 Ogos 2020 bertempat di Hotel Sunway Putra Kuala Lumpur



Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan dan Watikah Pelantikan SPT RUU PKS pada 26 Ogos 2020 bertempat di Hotel Sunway Putra Kuala Lumpur

3. Sesi Libat Urus Penggubalan Perundangan Baharu Bagi Menangani Isu Gelandangan

Mesyuarat Majlis Sosial Negara (MSN) Bilangan 2 Tahun 2019 pada 22 Ogos 2019 telah memutuskan supaya satu akta baharu yang lebih inklusif digubal untuk menangani isu gelandangan dan pengemisan secara holistik dengan mengambil kira kuasa dan peranan Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri.

Selaras dengan keputusan tersebut, KPWKM telah menetapkan supaya hala tuju berkaitan perundangan baharu disediakan. Sebagai persediaan asas, KPWKM mengambil inisiatif mengadakan sesi perbincangan bersama pihak-pihak berkepentingan dalam isu ini. Justeru, Sesi Libat Urus Penggubalan Perundangan Baharu Bagi Menangani Isu Gelandangan telah diadakan pada 14 dan 15 September 2020 bertempat di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur dengan kehadiran daripada pelbagai pihak-pihak berkepentingan dalam isu pengemisan dan gelandangan termasuk Kementerian dan Agensi Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Bukan Kerajaan.



Sesi Libat Urus Penggubalan Perundangan Baharu Bagi Menangani Isu Gelandangan pada 14 dan 15 September 2020 di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur

Unit DWG

1. Program dan Aktiviti: Penghantaran *Follow Up to Concluding Observations on Malaysia Combined Third to Fifth Convention on The Elimination of All Froms of Discrimination Against Women (CEDAW) Periodic Reports*

- Tarikh: 30 Disember 2020
- Kelulusan: Mendapatkan Kelulusan YB Menteri dan Jemaah Menteri sebelum Laporan dihantar.
- Info/Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti:
 - 1) Aktiviti ini merujuk kepada penyediaan Laporan Susulan terhadap Concluding Observations on Malaysia Combined Third to Fifth Convention on the Elimination of All Froms of Discrimination Against Women (CEDAW) Periodic Reports kepada Jawatankuasa CEDAW di Geneva, Switzerland.
 - 2) CEDAW telah diterima oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 18 Disember 1979 dan Malaysia telah menyertai CEDAW pada 5 Julai 1995.
 - 3) CEDAW merupakan satu perjanjian antarabangsa yang bertujuan untuk memberikan hak yang sama rata kepada wanita dengan cara menghapuskan diskriminasi jantina, menamatkan keganasan terhadap wanita dan memperkuuh hak wanita. CEDAW mengandungi 30 artikel, iaitu 16 artikel menyatakan hak asasi berkaitan wanita dan 14 artikel menyatakan pentadbiran dan pemantauan konvensyen.
 - 4) Di bawah Artikel 18 CEDAW, Negara Pihak perlu mengemukakan laporan awal kepada Jawatankuasa CEDAW setahun selepas menyertai CEDAW dan seterusnya laporan berkala setiap empat tahun sekali.



- 5) Laporan berkala yang terkini dikemukakan oleh Malaysia kepada Jawatankuasa CEDAW adalah Laporan Berkala Ketiga hingga Kelima pada tahun 2016. Laporan tersebut telah dibentang pada Sesi ke-69 Jawatankuasa CEDAW pada 20 Februari 2018 oleh Ketua Setiausaha KPWKM ketika itu, Dato' Suriani binti Dato' Ahmad.
- 6) Susulan itu, Jawatankuasa CEDAW telah mengemukakan saranan dalam menambah baik pelaksanaan CEDAW di Malaysia melalui dokumen Concluding Observation (CO) perlu diberi penjelasan dalam laporan seterusnya.
- 7) Dari pada keseluruhan saranan yang diterima, terdapat empat (4) CO yang perlu diberi perhatian dan dijawab dalam tempoh 2 tahun seperti berikut:
 - (i) Perkara 12 (b): Constitutional and Legislative Framework;
 - (ii) Perkara 22 (b): Female Genital Mutilation;
 - (iii) Perkara 46 (b): Refugee and Asylum-Seeking Women; dan
 - (iv) Perkara 54 (a): Marriage and Family Relations.
- 8) Laporan susulan bagi empat CO tersebut telah dikemukakan pada 30 Disember 2020.


Bahagian Hubungan Antarabangsa



Unit ASEAN

1. The Special Online Meeting of The Asean Ministerial Meeting on Social Welfare and Development (AMMSWD), 10 JUN 2020, 13.30-15.45 (GMT+7)

- Tema:
“Mitigating Impacts of COVID-19 on Vulnerable Groups in ASEAN”
- Tujuan/objektif:
 - Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan inisiatif serta komitmen negara anggota ASEAN terhadap kumpulan rentan pada masa penularan wabak COVID-19 ini dan mengadopsi *Joint Statement* untuk mengurangkan kesan pandemik COVID-19 kepada kumpulan rentan di ASEAN.



- Topik perbincangan:
 - membincangkan pelbagai isu dan perkara-perkara penting mengenai kesan COVID-19 terhadap Kumpulan Rentan di ASEAN.
 - Mengadopsi *Joint Statement* AMMSWD
- Hasil:
 - Hasil dari pertemuan tersebut dapat memberi panduan kepada setiap negara anggota ASEAN untuk bekerjasama mengurangkan kesan penularan COVID-19 terhadap kumpulan rentan dan memastikan bahawa tidak ada yang tertinggal.

2. 16th SOMSWD Meeting and Related Meetings, 21-24 September 2020

- Tema:
“Strengthening Family Resilience and Solidarity: Braving the Adversity and Adapting to the New Normal”

- Terdapat 3 mesyuarat utama iaitu:
 - i) 15th ASEAN GO-NGO Forum on Social Welfare and Development pada 21 September 2020
 - ii) 16th SOMSWD Meeting pada 22-23 September 2020
 - iii) The Fifteenth Meeting of The ASEAN Plus Three Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development (15th SOMSWD+3) pada 24 September 2020

- Tujuan/objektif:
 - Tujuan utama mesyuarat adalah untuk membincangkan isu dan perkara substantif berkaitan kebijakan dan pembangunan sosial di peringkat ASEAN yang melibatkan kumpulan sasar terdiri daripada golongan wanita, kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

- Topik perbincangan:
 - Pelaksanaan pengisytiharan, rangka kerja serantau dan pelan tindakan.
 - Inisiatif merentas sektoral dan kerjasama dengan badan ASEAN yang lain.
 - Pembangunan rangka kerja strategik terhadap kebijakan dan pembangunan masyarakat 2021-2025.

3. 19th Asean Committee On Women (ACW) and Related Meetings, 15-16 Disember 2020, Video Conference

- Tema
“Advancing Women’s Leadership and Political Participation”

- Terdapat 5 mesyuarat utama:
 - i) 19th ACW Meeting pada 15 Disember 2020, 9:00 - 11:00 (GMT+7)
 - ii) 19th ACW Meeting pada 15 Disember 2020, 9:00 - 11:00 (GMT+7)
 - iii) 7th ACWC-ACW Consultation Meeting pada 15 Disember 2020, 11:30-13:30 (GMT +7)
 - iv) 12th ACW+3 Meeting pada 16 Disember 2020, 8:30-10:00 (GMT +7)
 - iv) Workshop on Advancing Women's Leadership and Political Participation in ASEAN pada 16 Disember 2020, 10:30-12:30 (GMT+7)
 - v) Web Forum on Addressing Unpaid Care and Domestic Work pada 16 Disember 13:30-15:00 (GMT+7)
- Tujuan/objektif:
 - Untuk membincangkan isu-isu yang melibatkan perlindungan dan pembangunan hak wanita serta kanak-kanak dalam konteks ASEAN.
- Topik Perbincangan:
 - Pelaporan kemajuan pelaksanaan pelan kerja ACW 2016-2020.
 - Pembangunan pelan kerja ACW 2021-2025 dan rangka kerja keputusan M&E.

4. The 20th Meeting of The Asean Commission on The Promotion and Protection of The Rights of Women and Children (ACWC) On 28 July 2020, Video Conference
- Tujuan/objektif:
 - Untuk membincangkan komitmen ASEAN dalam melindungi hak wanita dan kanak-kanak di rantau ini.
 - Topik Perbincangan:
 - Wakil ACWC daripada Negara Anggota ASEAN (AMS) membincangkan inisiatif dan projek utama seperti:
 - i. Rangka Kerja Strategik Pengarusperdanaan Gender ASEAN;

- ii. Kajian Separuh Penggal Pelan Tindakan Serantau Mengenai Penghapusan Keganasan Terhadap Wanita (RPA-EVAW);
- iii. Kempen ASEAN mengenai Pengakhiran Eksploitasi Tempat Kerja Berasaskan Jantina melalui pengetahuan dan muzik;
- iv. Identiti Undang-undang Semua Wanita dan Kanak-kanak di ASEAN: Sintesis Serantau, dan
- v. Kajian Serantau ASEAN mengenai Wanita, Keamanan dan Keselamatan (WPS).
- Pelaksanaan pelan kerja 2016-2020



Unit Pelbagai Hala

5. Program Serantau Children Recruited and Exploited by Terrorist and Violence Extremist Groups: UNODC Roadmap In Action, 3 - 5 Mac 2020, Bali, Indonesia
- Tujuan/ objektif:
 - i. Mengukuhkan kapasiti peserta dalam usaha menangani isu kanak kanak yang direkrut (mangsa) oleh pelaku kumpulan pengganas dan fahaman pelampau (*terrorist and violent extremist groups*) melalui pendekatan holistik, penintegrasi, kawalan keimbangan keselamatan dan pemenuhan hak kanak-kanak.
 - ii. Menggalakkan perkongsian dan pertukaran pengetahuan serta pengalaman antara peserta

dari pelbagai negara sebagai satu proses pengajaran dan pembelajaran bersama bagi ketiga-tiga aspek utama iaitu pencegahan, pemulihan dan pengintegrasian semula serta keadilan kanak-kanak.

iii. Mengenalpasti peluang untuk tindakan selanjutnya di peringkat negara dan serantau melalui sokongan pihak UNODC.

- Topik Perbincangan:

Perkongsian pengalaman dan pandangan antara pihak UNODC dan delegasi negara-negara yang hadir berkenaan tindakan yang telah, sedang dan akan dilakukan dalam berhadapan dengan isu ini. Sepuluh (10) prinsip telah digariskan bagi memastikan pendekatan yang menyeluruh terhadap masalah ini berdasarkan kepada pemenuhan hak kanak-kanak dan kepentingan keselamatan.

Delegasi dari Malaysia telah diberi peluang untuk berkongsi pengalaman negara dalam usaha pencegahan kanak-kanak dijadikan mangsa jenayah pengretkrutan oleh kumpulan penganas dan fahaman pelampau serta cabaran dan peluang yang ada untuk menangani isu ini.



Delegasi Malaysia



Puan Noor Hayati binti Zaman
Pegawai Pembangunan Masyarakat / Pengetua Sekolah Tunas Bakti
Sungai Lereh

6. High Level Meeting of the General Assembly on the 25th Anniversary of the Fourth World Conference on Women (HLM BEIJING+25)

- Pendahuluan:

- *High Level Meeting of the General Assembly on the 25th Anniversary of the Fourth World Conference on Women (HLM Beijing+25)* telah diadakan pada 1 Oktober 2020 di New York, Amerika Syarikat. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh delegasi negara secara dalam talian.
- Kenyataan negara dalam bentuk *pre-recorded video* telah disampaikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

- Topik Perbincangan:

- KLN telah mencadangkan supaya Malaysia menganjurkan acara sampingan sempena UNGA berdasarkan 4 inisiatif yang dikenal pasti. Penyertaan Malaysia dalam acara sampingan berkaitan Beijing+25 telah dibincangkan semasa sesi meja bulat bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO) anjuran bersama KLN dan KPWKM pada 21 Januari 2020.

- Hasil perbincangan:
 - Mesyuarat telah bersetuju dengan tema "women's right in family life" bagi acara tersebut.

Unit Serantau dan Dua Hala

7. Sesi Kunjungan Hormat oleh Ms. Marianne Clark Hattingh Wakil *United Nations Children's Fund* (UNICEF) ke Malaysia ke atas Ybhg. Dato' Junaidah Binti Kamarruddin, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 29 Januari 2020

- Pendahuluan:
 - Ms. Marianne Clark-Hattingh, wakil UNICEF ke Malaysia telah mengadakan sesi kunjungan hormat ke atas YBhg. Dato' Junaidah binti Kamarruddin, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 29 Januari 2020. Kunjungan hormat ini juga turut dihadiri oleh Mr. Stephen Barret, *Chief Social Policy*, Ms. Sarah Norton-Staal, *Chief of Child Protection*, Ms. Sivaselvi Supramaniam, *Child Protection Specialist* dan Ms. Zoe Elizabeth Hua Eng Gan, *Disability Specialist*.



Delegasi UNICEF yang turut serta dalam sesi kunjungan hormat



Sesi Pembentangan oleh Delegasi UNICEF

- Topik Perbincangan:
 - Sesi kunjungan hormat ini bertujuan untuk membincangkan pelaksanaan projek-projek kerjasama antara Kementerian dan UNICEF yang melibatkan:
 - i. National Children Protection
 - ii. Child Online Protection
 - iii. Juvenile Justice
 - iv. Diversion
 - v. Strengthening social welfare system.
- Perbincangan melalui kunjungan hormat ini telah membolehkan kedua-dua pihak berkongsi pengetahuan dan amalan terbaik mengenai perlindungan kanak-kanak serta memperkuatkkan hubungan di antara Kementerian dan UNICEF.
- 8. Sesi Kunjungan Hormat Oleh H.E Dag Juhlin Dannfelt, Duta Besar Sweden Ke Malaysia Ke atas Ybhg. Dato' Junaidah Binti Kamarruddin, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 19 Februari 2020
 - Pendahuluan:
 - H.E Dag Juhlin-Dannfelt, Duta Besar Sweden ke Malaysia telah mengadakan sesi kunjungan hormat ke atas YBhg. Dato' Junaidah binti

Kamarruddin, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 19 Februari 2020.



YBhg. Dato' Junaidah binti Kamarruddin, KSU KPWKM dan wakil KPWKM bersama H.E Dag Juhlin-Dannfelt, Duta Besar Sweden ke Malaysia dalam sesi perbincangan

- Tujuan kunjungan hormat ini adalah untuk mewujudkan jalinan kerjasama strategik dengan pihak KPWKM dan membuat susulan terhadap kunjungan hormat oleh Duta Besar Annika Ben David, Duta Khas Hak Asasi Manusia, Duta Besar Hak Asasi Manusia, Demokrasi dan Kedaulatan Undang-undang, Kementerian Luar Negeri, Sweden yang telah diadakan pada 30 Januari 2019.



Sesi bergambar bersama Duta Besar Sweden ke Malaysia dan wakil KPWKM

9. Penganjuran Forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) *High Level Policy Dialogue on Women and the Economy (HLPDWE)* Oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 30 September 2020

- Pendahuluan:

- Malaysia merupakan tuan rumah bagi Penganjuran Forum Kerjasama Asia Pasifik (APEC) bagi tahun 2020 dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertanggungjawab untuk menganjurkan Mesyuarat *High Level Policy Dialogue on Women and the Economy (HLPDWE)* bertemakan "Advancing Women's Economic Empowerment to Strengthen Post-Pandemic Recovery and Resilience". Mesyuarat HLPDWE ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Junaidah Kamarruddin, Ketua Setiausaha KPWKM pada 30 September 2020 di Dewan Perdana Nur, KPWKM secara atas talian.



YBhg. Dato' Junaidah Kamarruddin, Ketua Setiausaha KPWKM mempengerusikan Mesyuarat *High Level Policy Dialogue on Women and the Economy (HLPDWE)*.

- Topik Perbincangan:

- Mesyuarat yang diadakan setiap tahun ini adalah bertujuan untuk mengetengahkan isu dan hal-hal berkaitan dengan wanita dan ekonomi di platform rantau Asia Pasifik bagi meneruskan komitmen pemimpin pemimpin APEC dalam memastikan ekonomi masing-masing melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dipersetujui di forum APEC.
- Pelaksanaan mesyuarat ini membincangkan mengenai isu-isu berkaitan peranan dan penglibatan wanita dalam ekonomi serta inisiatif dalam pemulihan ekonomi pasca COVID-19 di Malaysia



Delegasi wakil ekonomi APEC yang menghadiri APEC High-Level Policy Dialogue on Women and the Economy (HLPDWE)



Ahli Pengurusan Tertinggi KPWKM bersama sekretariat KPWKM yang menjayakan Mesyuarat *High-Level Policy Dialogue on Women and the Economy* (HLPDWE)

Bahagian **Pembangunan**



Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2020

- Peruntukan Pembangunan yang diluluskan untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM217.70 juta yang melibatkan 48 projek. Bahagian Pembangunan selaku Bahagian yang bertanggungjawab telah melaksanakan kerjasama erat dengan semua jabatan dan agensi di bawah KPWKM serta agensi pusat seperti Unit Perancang Ekonomi (EPU, JPM), Unit Penyelaras dan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM), Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan juga Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi memastikan pelaksanaan projek pembangunan dilaksanakan dengan jayanya.
- Bahagian Pembangunan sentiasa memantau prestasi fizikal dan prestasi perbelanjaan projek pembangunan Kementerian dari semasa ke semasa. Sebagai langkah dalam mengekalkan kecemerlangan prestasi perbelanjaan, Bahagian ini telah meneliti semula keperluan peruntukan pembangunan berdasarkan prestasi semasa pelaksanaan projek, unjuran aliran tunai oleh agensi pelaksana dan kedudukan fiskal negara. Untuk tujuan tersebut, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan waran sekatan peruntukan pembangunan berjumlah RM45.49 juta menjadikan peruntukan pembangunan tahun 2020 dipinda sebanyak RM168.21 juta. Sehingga penghujung tahun 2020, prestasi perbelanjaan pembangunan KPWKM adalah sebanyak 96.15%.

Pencapaian Utama Bahagian Pembangunan Tahun 2020

- Seterusnya, dari segi pencapaian sepanjang tahun 2020, Kementerian telah berjaya menyiapkan 5 projek pembangunan iaitu:

Bil	Projek	Kos Projek	Tarikh Siap
1.	Kajian Mengenai Sistem Sokongan Kebajikan Kepada Penjaga Orang Kurang Upaya (OKU) Di Malaysia.	RM1 juta	9 Mac 2020
2.	Kajian Peluang Pekerjaan OKU Di Malaysia.	RM1 juta	9 Mac 2020
3.	Naik Taraf Rumah Seri Kenangan Seremban.	RM37.94 juta	19 Oktober 2020
4.	Membina Dan Menaiktaraf Kuarters Di Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah, Selangor.	RM16.52 juta	21 Oktober 2020
5.	Pembelian Bangunan Bagi Rumah Kanak-Kanak Mini Selangor.	RM3.22 juta	4 Disember 2020

Lawatan Tapak Oleh Pengurusan Tertinggi KPWKM Bersama Agensi Pusat

4. Selain perancangan dan pelaksanaan projek yang teliti, pemantauan yang berterusan juga memainkan peranan penting dalam memastikan setiap projek disiapkan mengikut jadual. Pada tahun 2020, Bahagian Pembangunan bersama-sama Pengurusan Tertinggi KPWKM, Jabatan/Agensi dan Agensi Pusat telah melaksanakan 8 siri lawatan kerja dan mesyuarat tapak ke projek pembangunan yang sedang dalam pembinaan untuk melihat dan menyelesaikan isu-isu berbangkit.
5. Lawatan ini turut melibatkan wakil dari agensi pusat seperti ICU, JPM, EPU, JPM, MOF, JKR dan JKPTG. Antara projek projek yang telah dilawati adalah seperti berikut:



Lawatan KSU KPWKM ke Projek Membina dan Menaiktaraf Kuarters Institusi JKM di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak pada 22 Jun 2020 dan 9 Ogos 2020.



Lawatan KSU KPWKM ke Projek Kompleks Penyayang Sinar Kasih, Nibong Tebal, Pulau Pinang pada 23 Jun 2020 dan 10 Ogos 2020.



Lawatan KSU KPWKM ke Projek Naik Taraf Rumah Seri Kenangan Seremban, Negeri Sembilan pada 29 Jun 2020 dan 21 Julai 2020.



Lawatan KSU KPWKM ke Projek Pembinaan Kompleks Penyayang Kempas, Johor pada 22 Julai 2020.



Lawatan KSU KPWKM ke Taman Sinar Harapan, Tampoi, Johor pada 22 Julai 2020.

Penilaian Outcome Projek-Projek Pembangunan di bawah KPWKM Berdasarkan Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome 2020 ICU, JPM

6. Pada tahun 2020, sebanyak 5 program/projek KPWKM telah dilaksanakan Kajian Penilaian Outcome yang merangkumi program/projek di bawah peruntukan pembangunan dan peruntukan mengurus. Kajian Penilaian Outcome dilaksanakan ke atas program/projek yang telah siap dan digunakan oleh pengguna dan kumpulan sasar. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengukur pencapaian dan keberkesanannya program/projek tersebut terhadap kumpulan sasar meliputi aspek ekonomi, sosial, ekonomi, politik dan alam sekitar. Program/projek yang terlibat adalah:

Bil	Program / Projek	Jabatan / Agensi
1.	Program Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK).	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
2.	Projek Taman Sinar Harapan (TSH) Jubli, Johor.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
3.	Program Lay Kaunselor.	Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)
4.	Program Pembangunan Kompetensi Pekerja Sosial KPWKM.	Institut Sosial Malaysia (ISM)
5.	Program Pendidikan Keselamatan Keluarga Dan Anak (PEKA).	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia





Pengenalan

BPSM merupakan salah satu Bahagian di bawah Sektor Operasi, KPWKM yang diketuai oleh YBrs. Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi). Sehingga 1 Disember 2020, BPSM yang diketuai oleh Encik Yazman bin Yahya terdiri daripada 38 perjawatan dengan pengisian sebanyak 36 orang (94.73%).

Peranan dan fungsi bahagian/unit

Menguruskan hal-hal berkaitan perjawatan KPWKM dan agensi, hal-hal berkaitan perkhidmatan, pembangunan tenaga manusia serta pengurusan psikologi pegawai dan kakitangan KPWKM dan agensi

Statistik/data kumpulan sasar

Maklumat Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan KPWKM dan Agensi Sehingga 01.12.2020			
Agensi	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
KPWKM	306	278	28
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	7077	6619	458
Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)	265	228	37
Institut Sosial Malaysia (ISM)	93	67	26
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)	1165	925	240
Jumlah	8906	8117	789

Anugerah dan Program

1 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) KPWKM Tahun 2019

- Seramai 649 orang penerima APC Tahun 2019 telah menerima Sijil Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) bernilai RM1,000.00 dan Sijil Penghargaan.
- 649 orang penerima yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan KPWKM dan Jabatan/ agensi

2 Persaraan Pegawai dan Kakitangan KPWKM Tahun 2019

- Seramai 117 orang pesara telah menerima Sijil Simpanan Premium bernilai RM400.00 dan sijil penghargaan.
- 117 orang pesara yang terdiri daripada Jabatan/ agensi di bawah KPWKM

3**Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)**

- Sebanyak 3 Mesyuarat MBJ telah dilaksanakan pada tahun 2020.
- Semua majikan dan pekerja KPWKM dan Jabatan/ agensi
- Sebanyak 92% isu yang dikemukakan oleh pihak pekerja telah dapat diselesaikan.

5**Program Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) yang ditawarkan oleh JPA.**

- Seramai lima (5) orang pegawai di kementerian dan Agensi berjaya menerima HLP dan akan memulakan pengajian pada tahun 2021.
- Seramai lima (5) orang pegawai memperoleh manfaat. Empat (4) orang pegawai dari KPWKM dan seorang dari JKM.
- Setiap pegawai akan memperoleh Biasiswa HLP dan Kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh.

7**Bengkel Peningkatan Profesionalisme Pegawai Psikologi KPWKM dan Agensi di bawahnya**

- Satu siri program selama 2 hari telah dijalankan di Galeri Perpustakaan, Aras 3, KPWKM.
- 30 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan KPWKM dan Jabatan/ agensi

9**Program Outreach Psikologi**

- 5 siri program telah dijalankan di Pusat Kesejahteraan Psikologi, Aras 19, KPWKM.
- 44 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan KPWKM dan Jabatan/ agensi

4**Latihan/ Kursus di bawah Program Pembangunan Kompetensi Pegawai dan Kakitangan KPWKM mengikut Pelan Operasi Latihan (POL) Tahun 2020**

- Sebanyak 22 latihan/kursus telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020. Senarai latihan/kursus adalah seperti di Lampiran.
- Peruntukan sebanyak RM78,433.00
- 278 pegawai dan kakitangan KPWKM dan Jabatan/ agensi

6**Program Profesionalisme AKRAB KPWKM**

- Satu siri program selama 2 hari telah dijalankan di Dewan Perdana Nur, KPWKM.
- 50 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan KPWKM dan Jabatan/ agensi

8**Program Bicara Psikologi**

- 2 siri program telah dijalankan di Galeri Perpustakaan, Aras 3, KPWKM.
- 47 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan KPWKM dan Jabatan/ agensi

10**Program Corporate Wellness**

- Satu siri program telah dijalankan di Galeri Perpustakaan, Aras 3, KPWKM.
- 60 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan KPWKM dan Jabatan/ agensi



Kursus dan Program Anjuran BPSM Tahun 2020

BIL	KURSUS/PROGRAM	TARIKH PELAKSANAAN	TEMPAT/LOKASI	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1.	Kursus HR Coaching bagi Negeri Perak	24-26 Feb 2020	Sekolah Tunas Bakti, Taiping Perak	6,000.00
2.	Sesi Perkongsian Ilmu 1: Personal Branding	4 Mac 2020	Dewan Nur, KPWKM	2,000.00
3.	Sesi Perkongsian Ilmu 2: Tatacara Perolehan - Nota Minta	18 Mac 2020	-	-
4.	Bicara Eksekutif 1: Pengurusan Kewangan Semasa dan Pasca PKPB	20 Mei 2020	Online, FB Unit PTM	1,000.00
5.	Kursus HR Coaching bagi Negeri Perlis dan Pulau Pinang dan Sabah (dilaksanakan secara rakaman)	23-25 Jun 2020	Bilik Latihan Aras 34	8,590.00
6.	Kursus HR Champion bagi Negeri Johor	12-14 Julai 2020	Taman Sinar Harapan, Jubli Johor Bahru	7,100.00
7.	Kursus Pengenalan kepada Pembantu Tadbir (PT P/O) Lantikan Baharu Siri 1	10-12 Jun 2020	Auditorium Aras 7, KPWKM	5,193.00
8.	Kursus Pengenalan kepada Pembantu Tadbir (PT P/O) Lantikan Baharu Siri 2	16-18 Jun 2020	Auditorium Aras 7, KPWKM	5,193.00
9.	Kursus Pengenalan kepada Pembantu Tadbir (PT P/O) Lantikan Baharu Siri 3	27-29 Julai 2020	Auditorium Aras 7, KPWKM	1,400.00
10.	Kursus Etiket dan Protokol bagi Pegawai Kanan Kementerian	6 Julai 2020	Dewan Makan Aras 21, KPWKM	8,850.00
11.	Kursus HR Champion bagi Negeri Terengganu	23-25 Ogos 2020	Taman Sinar Harapan, Kuala Terengganu	8,000.00
12.	Program Pemantapan Modal Insan Anggota Kumpulan Pelaksana di Pejabat Pengurusan Tertinggi KPWKM	23-25 Sep 2020	Hotel Neo+ Penang, Pulau Pinang	13,700.00
13.	Bicara Eksekutif Siri 2: Isu Kanak-kanak (Kolaborasi bersama JKM)	7 Oktober 2020	Auditorium Aras 7, KPWKM	1,100.00

BIL	KURSUS/PROGRAM	TARIKH PELAKSANAAN	TEMPAT/LOKASI	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
14.	Sesi Perkongsian Ilmu Siri 3 : Hands-on Sistem iTraining (Online)	12 Oktober 2020	Online melalui pautan Google Meet	-
15.	PNI 1: Program Tahun Baharu 2020	10 Jan 2020	Dewan Nur, KPWK	-
16.	PNI 2: Saham Dunia vs. Saham Akhirat	27 Feb 2020	Auditorium Aras 7, KPWK	6,400.00
17.	PNI 3: Penyucian Jiwa @ Ramadhan	5 Mei 2020	Auditorium Aras 7, KPWK	-
18.	PNI 4: Tadabbur Surah Luqman	12 Mei 2020	Online, FB Unit PTM	1,500.00
19.	PNI 5: Program Sempena Aidiladha	13 Ogos 2020	Auditorium Aras 7, KPWK	2,400.00
20.	PNI 6: Program Maal Hijrah	27 Ogos 2020	Auditorium Aras 7, KPWK	2,400.00
21.	PNI 7: Program Maulidur Rasul	27 Oktober 2020	Online, FB Unit PTM	1,800.00
22.	PNI 8: Program Penjelasan Isu-isu Semasa Agama dengan kerjasama Pejabat Mufti Wilayah	12 November 2020	Online, FB Unit PTM	1,000.00
JUMLAH				78,433.00

Bahagian **Khidmat** Pengurusan



Pengenalan

Bahagian Khidmat Pengurusan merupakan penggerak utama kepada jentera pentadbiran KPWKM melalui penyediaan perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan dalam membantu mencapai visi dan misi Kementerian.

Bahagian Khidmat Pengurusan telah dibahagikan kepada 4 unit seperti berikut:

1. Unit Pentadbiran, Keselamatan dan Logistik
2. Unit Pengurusan Aset
3. Unit Penyelaras, Keurusetiaan dan Kualiti
4. Unit Pusat Sumber



Pencapaian

Program Jelajah Inisiatif Penjana KPWKM

Lokasi program : Di seluruh Malaysia

Institusi terlibat : KPWKM, JKM, JPW, LPPKN dan YKN

- PENJANA dapat memperkasakan rakyat, merancakkan perniagaan dan merangsang ekonomi
- Peserta juga dapat manfaat dan lebih pendedahan daripada penerangan Inisiatif PENJANA



YB Menteri menyampaikan ucapan/ucaptama



Siri Program Jelajah Inisiatif Penjana KPWK

Bil	Lokasi Program	Tarikh Program	Bilangan Klien (orang)	Peruntukan (RM)
1	Kota Bharu, Kelantan	27 Jun 2020	180	60,782.00
2	Kuala Terengganu, Terengganu	28 Jun 2020	135	
3	Kota Kinabalu, Sabah	4-5 Julai 2020	190	68,830.00
4	Alor Setar, Kedah	10 Julai 2020	180	38,406.50
5	Melaka	16 Julai 2020	220	19,954.00
6	Ipoh, Perak	17 Julai 2020	250	29,340.00
7	Georgetown, Pulau Pinang	18 Julai 2020	220	37,326.96
8	Seremban, Negeri Sembilan	22 Julai 2020	220	18,667.00
9	Kuala Lumpur	23 Julai 2020	250	21,381.80
10	Kuantan, Pahang	26 Julai 2020	160	15,334.00
JUMLAH			2,005	310,022.26

Lawatan Penanda Aras EKSA

Lokasi program : Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Institusi terlibat : LPPKN dan Maritim Malaysia

- Peserta dapat menambah pengetahuan dan pendedahan mengenai amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)
- Peserta dapat mempelajari contoh terbaik daripada amalan EKSA kategori Cemerlang di KPWK



Bengkel Audit Dalam EKSA

Lokasi program : Auditorium Aras 7,KPWKM

Institusi terlibat : KPWKM

Bil. klien : 40 orang

Rakan Strategik : MAMPU

- Peserta dapat mengetahui langkah-langkah yang perlu diambil semasa sesi auditan dijalankan
- Peserta dapat meningkatkan pengetahuan mengenai amalan EKSA yang betul
- KPWKM berjaya mendapat markah Cemerlang secara keseluruhan bagi Amalan EKSA Tahun 2020



Para peserta yang hadir sempena Bengkel Audit Dalam EKSA peringkat dalaman KPWKM.



Kursus Pengurusan Aset Alih dan Stor Kerajaan KPWKM

Lokasi program : Google Meet

Peruntukan : RM900 (bayaran penceramah)

Institusi terlibat : KPWKM, INTAN dan semua agensi

Bil. klien : 155 orang

- Peserta dapat lebih pendedahan berkaitan pengurusan aset alih & stor kerajaan
- Peserta dapat memupuk kesedaran dikalangan kakitangan kerajaan akan kepentingan memelihara aset kerajaan yang telah disediakan



Kursus Pengurusan Aset Kerajaan yang dijalankan secara atas talian anjuran BKP.

Kursus Pengurusan Kenderaan Kerajaan KPWKM

Lokasi program : Galeria Perpustakaan, Aras 3, KPWKM

Peruntukan : RM 1150 (bayaran penceramah & makan minum)

Institusi terlibat : KPWKM dan INTAN

Bil. klien : 40 orang

- Pemandu dan pegawai kenderaan jabatan telah menerima pendedahan mengenai tatacara pengendalian Buku Log dengan lebih terperinci.
- Pemandu dan pegawai kenderaan juga dapat memahami etika bekerja yang betul dan berhemah





Bahagian Akaun



A. Pengumpulan Data bagi Perakaunan Akruan

Seksyen Perakaunan Pengurusan di Bahagian Akaun bertanggungjawab menyelaras aktiviti-aktiviti pengumpulan data bagi persediaan dalam Pelaksanaan Perakaunan Akruan mulai tahun 2018. Maklumat mengenai Aset Alih, Aset Tak Alih dan Aset Dalam Pembinaan akan dilaporkan secara bulanan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Data Perakaunan Akruan kemudiannya akan dipindahkan ke server iGFMAS mengikut masa yang ditetapkan oleh JANM.


Status pengumpulan data perakaunan akruan pada 31 Disember 2019 mengikut kategori aset dan liabiliti adalah seperti berikut :-

1) Aset Tak Alih

Aset Tak Alih terdiri daripada tanah dan bangunan agensi-agensi di bawah Kementerian. Sejumlah 90 rekod tanah milik Kerajaan Persekutuan telah dimasukkan di dalam senarai Aset Tak Alih, iaitu melibatkan 75 rekod tanah di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan 15 rekod tanah di bawah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). 90 rekod tanah ini telah dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dengan nilai tanah berjumlah RM1,232,342,276.00.


Sebanyak 98 bangunan milik Kementerian yang menempatkan institusi-institusi di bawah JKM dan JPW di seluruh Malaysia telah dikenal pasti untuk tujuan baki awal masing-masing 81 dan 17 bangunan bagi JKM dan JPW. Sehingga 31 Disember 2018, 98 rekod bangunan telah dinilai dengan nilai keseluruhan RM726,568,418.48.

Carta 1: Aset Tak Alih






Carta 2: Nilai (RM) Aset Tak Alih oleh Agensi-agensi




2. Aset Alih

Aset Alih terdiri daripada harta modal dan aset bernilai rendah yang bernilai RM2,000 dan ke atas telah direkodkan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian yang menggunakan Sistem Pengurusan Aset (SPA). Sehingga 31 Disember 2019, jumlah Aset Alih yang dikemas kini dalam sistem berjumlah RM99,039,610.81 (11,256 unit aset).

Carta 3: Bilangan Aset Alih oleh Agensi-agensi



Carta 4: Nilai (RM) Aset Alih oleh Agensi-agensi

3) Aset Dalam Pembinaan

Bagi Aset Dalam Pembinaan sebanyak lapan (8) projek disenaraikan untuk baki awal pengumpulan data pada tahun 2018 dengan perbelanjaan terkumpul sebanyak RM29,943,086.04, iaitu:

- Projek 1: Pembinaan Semula Kuarters Taman Sinar Harapan Tamboi, Johor Bahru, Johor.
- Projek 2: Kompleks Penyayang Sinar Kasih Nibong Tebal SP(S), Pulau Pinang.
- Projek 3: Rumah Seri Kenangan Seremban, Negeri Sembilan.
- Projek 4: Pembinaan Semula Kuarters Rumah Desa Bina Diri Mersing, Terengganu.
- Projek 5: Pembinaan Semula Kuarters Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak.
- Projek 6: Pembinaan Semula Kuarters Rumah Seri Kenangan Taiping, Perak.
- Projek 7: Pembinaan Semula Kuarters Pusat Perkembangan Kemahiran Serendah, Selangor.
- Projek 8: Depoh Simpanan Keperluan Mangsa Bencana Sarawak.



Carta 5: Aset Dalam Pembinaan

Aset Dalam Pembinaan



4. Aset Tak Ketara (ATK)

Sejumlah 14 Aset Tak Ketara (ATK) telah direkodkan di dalam senarai iaitu melibatkan 11 rekod aset di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan 3 rekod aset di bawah Institut Sosial Malaysia (ISM) dengan nilai berjumlah RM1,445,119.00.

BIL	PERKARA	AMAUN (RM)
1	Harta Intelek - Rekabentuk <i>Female Urination Device</i>	85,700.00
2	Harta Intelek - Rekabentuk <i>Medical Table</i>	132,500.00
3	Harta Intelek - Rekabentuk <i>Storage Cabinet</i>	62,500.00
4	Harta Intelek - Rekabentuk <i>Bag</i>	39,500.00
5	Harta Intelek - Rekabentuk <i>Helmet</i>	10,000.00
6	Harta Intelek - Rekabentuk <i>Sand Bag</i>	39,500.00
7	Harta Intelek - Rekabentuk <i>Sterilling Cabinet</i>	71,100.00
8	Harta Intelek - Rekabentuk <i>Blanket</i>	36,100.00
9	Harta Intelek - Rekabentuk <i>Wheel Chair</i>	71,850.00
10	Harta Intelek - Rekabentuk <i>Walking Aid</i>	58,750.00
11	Harta Intelek - Rekabentuk <i>Storage Case</i>	42,500.00
	JUMLAH	650,000.00

Jadual 1: Senarai Aset Tak Ketara JKM

BIL	PERKARA	AMAUN (RM)
1	LOGO ISM	650.00
2	LOGO SEJIWA (SUKARELAWAN)	370.00
3	SISTEM MyISM	794,099.00
	JUMLAH	795,119.00

Jadual 2 : Senarai Aset Tak Ketara ISM



B. Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan

Fungsi Seksyen Perundingan dan Pemantauan ialah :

- Melaksanakan Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan mengikut skop yang telah ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) ke atas Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Kementerian;
- Melaksanakan Audit Terimaan meliputi semakan Dokumen Akaun Terimaan (DAT) dan Naziran Terimaan ke atas Pejabat Pemungut di bawah Kementerian;
- Menyelaras permohonan token daripada pengguna dan mengemas kini peranan pengguna di Sistem *Integrated Government Financial & Management System* (iGFMAS);
- Merancang dan melaksanakan kursus dan latihan perakaunan dan kewangan kepada PTJ di bawah Kementerian.

Bilangan PTJ di bawah seliaan Bahagian Akaun Kementerian adalah sebanyak lapan (8) iaitu:

- 1) Bahagian Kewangan KPWKM
- 2) Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat
- 3) Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Wanita
- 4) Institut Sosial Malaysia
- 5) Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- 6) Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya
- 7) Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi
- 8) Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah, Cheras

Pada tahun 2020, JANM telah menetapkan bahawa skop naziran yang perlu dilaksanakan adalah naziran aset. Objektif naziran ialah mengenal pasti isu dan masalah yang mungkin berlaku dalam melaksanakan proses perolehan aset sepanjang tahun 2020.

Metodologi Naziran adalah melalui penilaian yang dijalankan dengan menggunakan kaedah Pengauditan Berasaskan Risiko bagi mengenal pasti tahap kawalan dalaman di PTJ. Risiko bagi setiap penemuan dinilai daripada aspek impak dan kebarangkalian, di mana impak merujuk kepada kesan sekiranya sesuatu risiko itu terjadi dan diklasifikasikan sebagai Tinggi, Sederhana atau Rendah bergantung kepada *risk identity* iaitu *fraud risk*, *financial risk*, *operational risk* atau *information risk* dan materialiti (RM).

Penjelasan mengenai *risk identity* adalah seperti berikut:

- 1) Risiko Penyelewengan (*Fraud Risk*) iaitu kehilangan wang awam, salah guna kuasa atau penipuan.
- 2) Risiko Kewangan (*Financial Risk*) iaitu lebihan bayaran, pembaziran atau kehilangan.
- 3) Risiko Operasi (*Operational Risk*) iaitu kualiti penyampaian perkhidmatan.
- 4) Risiko Maklumat (*Information Risk*) iaitu laporan tidak tepat atau kesalahan kod perakaunan.

C. Semakan Dokumen Akaun Terimaan (DAT)

Selaras dengan AP139, adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Akaun KPWKM selaku Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri untuk memastikan supaya pemantauan dan penyeliaan Hasil dilakukan. Pada tahun 2020, Bahagian Akaun KPWKM bertanggungjawab untuk melaksanakan Audit Terimaan ke atas dokumen terimaan untuk semua 170 Pejabat Pemungut Kementerian di seluruh negara. Pejabat Pemungut perlu mengemukakan DAT setiap bulan selewat-lewatnya pada 10 haribulan bagi DAT bulan sebelumnya, seperti yang diperuntukkan dalam AP145. Penilaian semakan DAT adalah berdasarkan skop semakan seperti berikut:

- a) Penghantaran Dokumen Terimaan Dalam Tempoh Ditetapkan.
- b) Kebenaran Mengutip Wang/ Menulis, Menandatangani Dan Membatalkan Resit/ Merekod Dan Menyemak Buku Tunai.
- c) Kawalan Terhadap Penerimaan Dan Pengeluaran Stok Resit Serta Lain-Lain Dokumen Terkawal.
- d) Pungutan Dibankkan Dalam Tempoh Ditetapkan.
- e) Perekodan Di Resit/ Buku Tunai/ Penyata Pemungut.
- f) Penyeliaan Ke Atas Resit/ Buku Tunai/ Penyata Pemungut.
- g) Maklumbalas Pemerhatian Ketidakpatuhan Adalah Lengkap.

Cadangan Penambahbaikan Prestasi Pematuhan Kewangan Secara Keseluruhan

Bagi meningkatkan prestasi pematuhan di PTJ Kementerian, Bahagian Akaun KPWKM telah memberi beberapa syor dan cadangan penambahbaikan kepada PTJ dan di antara syornya adalah:

- a) Segala teguran naziran hendaklah diambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan secara keseluruhan, bukan terhad ke atas sampel yang ditegur sahaja.
- b) Kawalan dalaman dan prosedur operasi diwujudkan serta dipatuhi oleh semua pegawai.
- c) Pemantauan secara berkala ke atas pengurusan kewangan dilaksanakan secara mengejut dari semasa ke semasa.
- d) Komunikasi yang berkesan diperlukan bagi memastikan semua maklumat disampaikan dengan tepat dan dokumen penting disediakan dengan sempurna.

Semua pegawai yang menjalankan tugas kewangan hendaklah menyiapkan diri dengan semua peraturan kewangan yang berkuat kuasa dan memahami dengan jelas tanggungjawab berkaitan perakaunan serta kewangan.

D. Peranan Pengguna iGFMAS (Pejabat Perakaunan)

Selain daripada melaksanakan aktiviti naziran, Seksyen Perundingan dan Pemantauan juga bertanggungjawab menyelaras dan mengemas kini peranan pengguna dalam sistem iGFMAS bermula 1 Januari 2018.



Terdapat 14 modul yang digunakan iaitu:

- a) AA – Perakaunan Aset (*Assets Accounting*)
- b) AC – Aset Konsesi (*Assets Concession*)
- c) AL – Aset Pajakan (*Assets Leasing*)
- d) AR – Akaun Terimaan (*Account Receivables*)
- e) CL – Lejar Tunai (*Cash Ledger*)
- f) CM – Panjar (*Cash Management*)
- g) CO – Data Induk (*Controlling*)
- h) FM – Waran (*Fund Management*)
- i) GL – Baucar Jurnal (*General Ledger*)
- j) HCM – Pengurusan Gaji (*Human Capital Management*)
- k) IE – Antara Entiti (*Inter Entity*)
- l) LMS – Pengurusan Pinjaman (*Loan Management System*)
- m) MM – Perolehan (*Material Management*)
- n) BW – *Business Warehouse*

E. Pengurusan Akaun

Di bawah Seksyen Pengurusan Kewangan (SPK), Unit Akaun bertanggungjawab memastikan operasi kewangan dan akaun yang dilaksanakan oleh PTJ diperakaunkan dengan teratur merangkumi perkara berikut:

- a) Pengurusan Terimaan Kerajaan;
- b) Pengurusan Akaun Amanah (Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957);
- c) Pengurusan Kumpulan Wang Amanah (Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957);
- d) Pengurusan Akaun Deposit;
- e) Pengurusan Akaun Penyelesaian;
- f) Pengurusan Panjar Khas; dan
- g) Pengurusan Panjar Wang Runcit;

Disamping itu, Unit Akaun juga turut menjalankan fungsi utamanya sebagai Pejabat Perakaunan antaranya:

- a) Menyelenggara dan memantau urusniaga bank utama Pejabat Perakaunan;
- b) Memproses permohonan bayaran balik hasil;
- c) Memproses permohonan pinjaman komputer, pinjaman kenderaan dan pelbagai pendahuluan;
- d) Memproses permohonan pendahuluan diri bertugas rasmi dalam dan luar negeri; dan
- e) Menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (Peringkat Kementerian).

Sehingga 31 Disember 2020, bahagian ini telah memproses sejumlah dokumen berdasarkan fungsi di atas dengan perincian berikut:

BIL	PERKARA	AMAUN (RM)
1	Menyelenggara dan memantau urusniaga bank utama dengan Pejabat Perakaunan	12 penyata
2	Memproses permohonan bayaran balik hasil	17 permohonan
3	Memproses permohonan pinjaman komputer dan pelbagai pendahuluan	55 permohonan
4	Memproses permohonan pendahuluan diri bertugas rasmi dalam dan luar negeri	9 permohonan
5	Menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (Peringkat Kementerian)	12 laporan


F. Pengurusan Bayaran

Bahagian Akaun juga bertanggungjawab bagi urusan pembayaran gaji, akaun belum bayar dan pembayaran pukal Kementerian dan Jabatan. Pembayaran gaji melibatkan tujuh (7) Pusat Pembayar di Lembah Klang iaitu Ibu Pejabat KPWKM, Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Institut Sosial Malaysia (ISM), Jabatan Kebajikan Masyarakat WP Kuala Lumpur, Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah dan Sekolah Tunas Bakti Sg. Besi. Bagi pembayaran akaun belum bayar dan pembayaran pukal, ia melibatkan pembayaran bagi lapan (8) PTJ di bawah KPWKM.


Bagi tahun 2020, sejumlah RM393,910,405.90 pembayaran telah diproses melibatkan 165,817 transaksi yang diproses melalui *Electronic Fund Transfer* (EFT). Pecahan keseluruhan pembayaran adalah seperti berikut:

- 68.03% daripada keseluruhan pembayaran adalah pembayaran akaun belum bayar merangkumi pembayaran perkhidmatan, bekalan, kontrak, bil dan tuntutan;
- 17.82% daripada keseluruhan pembayaran melibatkan pembayaran gaji dan emolumen;
- 12.17% daripada keseluruhan pembayaran melibatkan pembayaran e-Bantuan JKM;
- 1.93% daripada keseluruhan pembayaran melibatkan pembayaran bil yang telah dipukalkan; dan
- 0.04% daripada keseluruhan pembayaran adalah bagi pembayaran pinjaman melalui *Loan Management System* (LMS).

Carta 8: Jumlah Pecahan Keseluruhan Pembayaran di bawah Kementerian dan Jabatan bagi Tahun 2020



Carta 9: Jumlah Pembayaran Secara Bulanan Bagi Tahun 2020



G. Program Latihan Kewangan dan Perakaunan

Pada tahun 2020, dua (2) siri latihan berkaitan kewangan dan perakaunan telah dianjurkan oleh Bahagian Akaun seperti di bawah:-

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH	TEMPAT
1	Kursus iGFMAS Siri 1 Tahun 2020 Pengurusan Bayaran, Gaji Dan Terimaan MyCost	28 hingga 30 September 2020	Makmal Komputer, KPLB
2	Kursus Excel Untuk Analisa Laporan Pengurusan Kewangan	6 hingga 8 Oktober 2020	Makmal Komputer, KPCT


Jadual 3 : Senarai kursus anjuran Bahagian Akaun berkaitan perakaunan dan kewangan

1) Kursus iGFMAS dan Sistem Perakaunan Akruan Siri 1 Tahun 2020 (Pengurusan Bayaran, Gaji dan Terimaan)

Tarikh : 28 & 29 September 2020 (Isnin-Selasa)

Tempat: Makmal Komputer Aras 4, KPLB


Kursus yang diadakan melibatkan seramai 16 orang peserta daripada 8 PTJ Kementerian. Sepanjang sesi kursus berlangsung peserta telah diberi pendedahan dan latih amal secara intensif berkaitan pengurusan bayaran, gaji dan terimaan kepada semua pegawai yang melaksanakan pengurusan kewangan dan akaun di PTJ seperti yang telah ditetapkan oleh Bahagian Akaun KPWKM dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Penceramah terdiri daripada pegawai-pegawai Bahagian Akaun KPWKM.



Kursus iGFMAS dan Sistem Perakaunan Akruan Siri 1 Tahun 2020 (MyCost)

Tarikh : 30 September 2020 (Rabu)
Tempat : Makmal Komputer Aras 4, KPLB

Kursus yang diadakan melibatkan seramai 22 orang peserta daripada 8 PTJ Kementerian. Sepanjang sesi bengkel berlangsung peserta telah melaksanakan pemurnian data kamus MyCost bagi tujuan pelaksanaan perakaunan pengurusan sektor awam seperti yang telah ditetapkan oleh Bahagian Akaun KPWKM dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Penceramah terdiri daripada pegawai-pegawai Bahagian Akaun KPWKM. Sepanjang sesi kursus berlangsung peserta telah diberi penerangan tentang matlamat pelaksanaan pengekosan dan juga membantu untuk memperbetulkan *data output* kamus MyCost yang telah disediakan sebelumnya teguran Bahagian Akaun Kementerian Kewangan BAMOF).



2) Kursus EXCEL untuk Analisa Laporan Pengurusan Kewangan

Tarikh : 6 hingga 8 Oktober 2020

Tempat : Makmal Komputer, Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan (KPKT)

Kursus ini melibatkan penyertaan 21 orang peserta terdiri daripada pegawai di Bahagian Akaun. Kursus ini diadakan bertujuan bagi memberi pendedahan kepada pengetahuan, kemahiran dan kecekapan sehingga ke peringkat lanjut (*Intermediate Level*) penggunaan *Microsoft Excel* bagi penggunaan laporan dan ekstrak data. Kaedah latihan kursus yang dijalankan adalah secara praktikal atau *hands-on* berserta nota pembelajaran di dalam kelas. Latihan diberikan secara individu dan berkumpulan yang akan dibimbing oleh tenaga pengajar.



Bahagian Kewangan



Pencapaian

Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Tahun 2020

Prestasi Keseluruhan Perbelanjaan Mengurus KPWKM pada tahun 2020 telah berjaya mencapai tahap 98.88% iaitu RM2,231,451,498.84. Pencapaian ini menunjukkan komitmen semua pihak dalam memastikan Prestasi Perbelanjaan Mengurus mencapai sasaran seperti yang telah ditetapkan.

Prestasi Perbelanjaan Berdasarkan Kementerian/Jabatan/Agenzi bagi Tahun 2020

Kementerian/ Jabatan/ Agenzi	Peruntukan Dikemaskini (RM)	Perbelanjaan (RM)	Prestasi (%)
KPWKM	57,916,300.00	53,485,811.22	92.35
JKM	2,095,093,500.00	2,075,195,380.16	99.10
JPW	21,604,700.00	19,708,153.32	91.22
ISM	8,315,700.00	8,162,154.14	98.15
LPPKN	4,500,000.00	4,500,000.00	100.00
YKN	69,400,000.00	69,400,000.00	100.00
JUMLAH	2,256,830,200.00	2,231,451,498.84	98.88

Pengurusan Perolehan

Mesyuarat Lembaga Perolehan KPWKM telah dilaksanakan sebanyak dua belas (12) kali, manakala Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) KPWKM telah dilaksanakan sebanyak sembilan (9) kali. Sebanyak 470 perolehan telah dilaksanakan sepanjang tahun seperti berikut:

Kaedah Perolehan	Pelaksanaan	Peratus
Tender	36	7.66%
Sebut Harga	430	91.49%
Rundingan Terus	2	0.43%
Perunding (Kajian Bukan Fizikal)	2	0.43%
JUMLAH	470	100.0%



Prestasi Penggunaan Sistem ePerolehan (eP)

Prestasi pencapaian penggunaan sistem eP bagi tahun 2020 ialah 100% iaitu sebanyak RM127,082,473.14.

Prestasi Pembayaran Bil dan Tuntutan Dalam Tempoh 14 Hari

Prestasi pembayaran bil Kementerian bagi tempoh empat belas (14) hari (tidak termasuk agensi) adalah 99.96% manakala prestasi bayaran yang disempurnakan dalam tempoh tujuh (7) hari adalah 99.37%.

Pusat Tanggungjawab (PTJ)	Jumlah Keseluruhan Bil 2020						
	≤ 7 hari		8-14 hari		> 14 hari		Jumlah Keseluruhan
	Bil	Peratus (%)	Bil	Peratus (%)	Bil	Peratus (%)	Bil
Ibu Pejabat KPWKM	2,365	99.37	14	0.59	1	0.04	2,380

Perbandingan Prestasi Pembayaran Bil dan Tuntutan Dalam Tempoh empat belas (14) Hari tahun 2019 dan 2020

Tahun	2019	2020
Prestasi bayaran dalam tempoh 14 hari (%)	99.74%	99.96%

Bahagian Kolaborasi Strategik



Pengenalan

Pada tahun 2020, KPWKM telah merancang dan mensasarkan sebanyak enam (6) Program Turun Padang (PTP) iaitu di negeri Kelantan, Sabah, Perlis, Terengganu, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan. Namun, kesan dari pandemik Covid19, KPWKM telah berjaya melaksanakan PTP Edisi Negeri Kelantan (6 siri), Sabah dan Sarawak dengan konsep serta pembudayaan norma baharu. Kementerian berusaha turun ke lapangan di daerah-daerah untuk mendekati masyarakat terutama kumpulan sasar untuk memberikan perkhidmatan dan maklumat kepada masyarakat setempat.

Tujuan

Laporan ini disediakan bertujuan untuk menganalisis keberkesanan pelaksanaan Program Turun Padang (PTP) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi tahun 2020.

Objektif Program

Objektif program adalah seperti berikut:

- i. meraikan sesi keterlibatan pemimpin dan agensi kerajaan bersama rakyat;
- ii. menyebar luas perkhidmatan, peranan, fungsi dan inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh KPWKM dan agensi di bawahnya dalam memenuhi keperluan dan ekspektasi kumpulan sasar; dan
- iii. memanfaatkan kumpulan sasar melalui kepakaran dan bantuan daripada syarikat korporat, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan agensi Kerajaan lain yang merupakan rakan strategik KPWKM.

Program Turun Padang ke Parlimen Sepanggar, Sabah

21 Februari 2020 (Jumaat)

Dewan Serbaguna Likas, Sabah

Program Turun Padang ke Parlimen Sepanggar, Sabah ini sangat signifikan dan relevan dengan keperluan rakyat setempat serta melibatkan kerjasama Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Sepanggar dan rakan strategik lain dengan menyediakan perkhidmatan secara percuma. Perkhidmatan yang dipilih adalah relevan dengan keperluan kumpulan sasar Kementerian yang sebahagian besar daripadanya adalah terdiri dalam kalangan kumpulan B40.

Program Turun Padang ini telah dirasmikan oleh YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan turut diserikan dengan kehadiran YB Datuk Azis bin Jamman, Timbalan Menteri Dalam Negeri merangkap Ahli Parlimen Sepanggar.



YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga telah melancarkan Aplikasi Jiwa Ibu yang menyediakan informasi kesihatan kepada masyarakat setempat. Aplikasi tersebut dibangunkan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Hanai yang memberi manfaat kepada masyarakat sekitar Sepanggar.

Selain itu, terdapat pengisian yang mantap seperti taklimat i-Suri oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), taklimat pencegahan Virus Corona oleh Dettol, taklimat Kesedaran Kanser oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dan lain-lain. Manakala di luar dewan serbaguna terdapat aktiviti yang interaktif seperti pertandingan mewarna yang disertai oleh kanak-kanak dari tadika Kemas dan Perpaduan, tajaan cermin mata oleh YKN, pemeriksaan kesihatan oleh LPPKN, pendaftaran e-Kasih, promosi rangkaian internet oleh UniFi, pelbagai perkhidmatan jabatan dan agensi kerajaan.

Dianggarkan lebih 600 pengunjung dari pelbagai lapisan masyarakat telah mendapat manfaat dari PTP Parliment Sepanggar, Sabah.



Aktiviti Tajaan Cermin Mata kepada komuniti Sepanggar



Acara Pertandingan Mewarna Yang Dianjurkan Oleh KPWK dengan Kerjasama Parliment Sepanggar Melibatkan 70 orang Kanak-Kanak Dari Tadika Kemas dan Perpaduan



Penyampaian Hadiah Kepada Pemenang Tempat Pertama Bagi Pertandingan Mewarna

Program Turun Padang KPWK Edisi Negeri Kelantan #temumatoKPWK 22 Ogos Hingga 6 September 2020

Program Turun Padang KPWK Edisi Negeri Kelantan telah dilaksanakan dengan kerjasama Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (UKeKWA) Kerajaan Negeri Kelantan bertarikh 22 Ogos hingga 6 September 2020. Sebanyak enam (6) siri program telah diadakan yang melibatkan empat belas (14) jajahan.

Majlis Perasmian Program Turun Padang KPWK Edisi Negeri Kelantan telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Bentara Kanan Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan dan turut dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Majlis perasmian tersebut di adakan di Kompleks Darul Naim sempena PTP KPWK Edisi Negeri Kelantan Siri ke 5.

Bertepatan dengan tema #temumatoKPWK, PTP KPWK Edisi Negeri Kelantan telah memberikan maklumat perkhidmatan dengan konsep bersemuka dan lebih mendekati masyarakat. Dengan kerjasama Pihak Berkuaasa Tempatan yang teliti terhadap SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara, PTP KPWK Edisi Negeri Kelantan berjaya dilaksanakan.

Antara jabatan/agensi yang terlibat sebagai pempamer adalah Urus setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (UKeKWA), Polis Diraja Malaysia (PDRM), TEKUN Nasional, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam dan sebagainya. PTP KPWK Edisi Negeri Kelantan turut mendapat sokongan padu dari Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di Negeri Kelantan.

Dianggarkan sebanyak 2000 pengunjung yang hadir dan mendapat manfaat dari 6 siri PTP KPWK Edisi Negeri Kelantan #temumatoKPWK.

Jadual Program Turun Padang KPWK Edisi Negeri Kelantan seperti berikut:

SIRI	TARIKH PERLAKSANAAN	JAJAHAN	LOKASI
1.	22 Ogos 2020 (Sabtu) 9.00 am - 1.00 pm	1. Jeli 2. Tanah Merah	Dewan Jubli Perak MBI Majlis Daerah Tanah Merah
2.	23 Ogos 2020 (Ahad) 9.00 am - 1.00 pm	3. Gua Musang	Dewan Besar, Syarikat Ladang Sungai Terah Gua Musang
3.	03 September 2020 (Khamis) 9.00 am - 1.00 pm	4. Kuala Krai	Dewan Majlis Daerah Kuala Krai
4.	05 September 2020 (Sabtu) 9.00 am - 1.00 pm	5. Kota Bharu 6. Pengkala Chepa 7. Kubang Kerian 8. Ketereh	Dewan Jamuan Utama Kompleks Darul Naim
5.	05 September 2020 (Sabtu) 2.30 am - 5.30 pm (Perasmian)	9. Pasir Puteh 10. Bachok 11. Machang	
6.	06 September 2020 (Ahad) 9.00 am - 1.00 pm	12. Pasir Mas 13. Rantau Panjang 14. Tumpat	Dewan Kompleks Apam Putra Pasir Mas

Program Turun Padang KPWKM Edisi Negeri Kelantan

SIRI	PRGRAM	TARIKH	LOKASI
1.	Program Turun Padang KPWKM Edisi Negeri Kelantan	22 Ogos 2020	Tanah Merah
2.	Program Turun Padang KPWKM Edisi Negeri Kelantan	23 Ogos 2020	Gua Musang
3.	Program Turun Padang KPWKM Edisi Negeri Kelantan	3 September 2020	Kuala Krai
4.	Program Turun Padang KPWKM Edisi Negeri Kelantan	5 September 2020	Kuala Krai
5.	Program Turun Padang KPWKM Edisi Negeri Kelantan	5 September 2020	Kuala Krai
6.	Program Turun Padang KPWKM Edisi Negeri Kelantan	6 September 2020	Pasir Mas

Program Turun Padang Edisi Negeri Sarawak

#BerambehKPWKM
15 – 17 September 2020

Beting Maro, Sarawak Program Ziarah Kasih

Program Turun Padang Edisi Negeri Sarawak dengan tema “BerambehKPWKM” telah dilaksanakan pada 15 September 2020 hingga 17 September 2020 telah berjaya dianjurkan sekitar kawasan Sarawak di empat (4) lokasi iaitu di Beting Maro, Kuching, Asajaya dan Kota Samarahan. Program ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato’ Hajah Zailah binti Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Pemimpin tempatan iaitu YB Dato’ Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Sarawak, YB Datuk Francis Harden Holis, Menteri Muda Kesejahteraan Komuniti, Negeri Sarawak, YB Dato’ Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, Ahli Parlimen Batang Lutar dan YB Tuan Haji Razili bin Haji Gapor, ADUN Beting Maro turut meluangkan masa dan memeriahkan PTP Edisi Negeri Sarawak ini.

Antara pengisian PTP Edisi Negeri Sarawak adalah Program Zirah Kasih di enam (6) buah rumah klien JKM, Sesi *Townhall* Bersama YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, lawatan ke Pusat Jagaan Warga Emas (PAWE) di Pusa, lawatan kerja di Koperasi Usahawan Mikro Kebajikan (KOUSMIK), lawatan ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, Lawatan ke Spa MamaCare, UTC Kuching dan sebagainya.

Terdapat juga pengisian berkonsepkan pameran dan taklimat mengenai perkhidmatan agensi kerajaan, pameran perkhidmatan secara percuma daripada agensi Kerajaan, sektor korporat dan NGO, pemeriksaan kesihatan dan program pemerkasaan ekonomi yang melibatkan penyertaan orang kurang upaya (OKU), wanita dan warga emas yang merupakan sebahagian daripada kumpulan sasar KPWK.

Melalui PTP Edisi Negeri Sarawak seramai 500 masyarakat setempat telah memperoleh manfaat. Malah melalui program ini telah berjaya menerima 95 borang permohonan BKIT PENJANA secara manual.

Program Turun Padang Edisi Negeri Sabah 19 Hingga 20 September 2020

Pengisian Program 19 September 2020 (Sabtu)



YB Timbalan Menteri KPWK beramah mesra dengan klien.

PTP KPWK Edisi Negeri Sabah dimulakan dengan Program Ziarah Kasih bersama YB Timbalan Menteri (YBTM) di lapan (8) buah rumah Klien di Kg. Sim-Sim, Sandakan.



YB Timbalan Menteri KPWK dan Ketua Pengarah JKM menyampaikan bantuan khas bakul makanan NADMA kepada klien.



YB Timbalan Menteri KPWK beramah mesra dengan ibu klien yang merupakan pesakit strok (status: terlantar).

PTP KPWKM Edisi Negeri Sabah diteruskan lagi dengan Program Ziarah Kasih dan Lawatan Program “2 Years Exit Programme” (2YEP) bersama empat (4) orang klien di Sandakan, Sabah.



Selepas Program Ziarah Kasih dan Lawatan 2YEP tamat, YBTM telah berkunjung ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Indah Jaya, Sandakan untuk Program Mesra Bersama Pelatih PPDK dan ahli Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di sana. Dianggarkan seramai 100 orang termasuk pelatih, ibu bapa dan tetamu jemputan telah hadir.

Dalam program tersebut, Pengurus Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Indah Jaya, Encik Nordin bin Badar mewakili pengurusi-pengurusi PPDK Bahagian Sandakan telah menyerahkan memorandum kepada YBTM. Selain itu, acara penyerahan *Mock Cheque* Bantuan Geran JKM 2020 sebanyak RM77,216.00 kepada Persatuan Rumah dan Kebajikan Cheshire, Sandakan telah disempurnakan oleh YBTM KPWKM.



YB Timbalan Menteri KPWKM beramah mesra dengan ahli PAWE Sandakan.



YB Timbalan Menteri KPWKM beramah mesra dengan ahli keluarga peserta PPDK Indah Jaya.



YB Timbalan Menteri KPWK bersama Ketua Pengarah JKM menyerahkan Mock Cheque Bantuan Geran JKM 2020 kepada Persatuan Rumah dan Perkhidmatan Cheshire, Sandakan

Seterusnya, YB Timbalan Menteri KPWK dan rombongan KPWK telah bertolak ke Kota Kinabalu, Sabah bagi menziarahi dua (2) buah rumah Klien yang merupakan penerima BKIT.



YB Timbalan Menteri KPWK menyerahkan sumbangan bakul makanan kepada Puan Sri Wahyuni binti Efendi.



YB Timbalan Menteri KPWK menyerahkan sumbangan bakul makanan kepada Puan Donna Christable Thomas.

20 September 2020 (Ahad)

Pada hari kedua, PTP KPWK Edisi Negeri Sabah bermula di Dewan Talantang, Kota Marudu. Program dimulakan dengan Taklimat BKIT oleh Timbalan Pengarah Bahagian Pelaksanaan Dasar Wanita, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

Selepas taklimat BKIT, program diteruskan dengan ucapan aluan oleh YB Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusof, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Program diteruskan dengan Sesi Townhall bersama pemimpin tempatan / NGO / masyarakat tempatan. Ahli-ahli panel yang terlibat adalah YBTM, Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Pengarah Institut Sosial Malaysia (ISM).



Anak ketiga klien yang menghidap penyakit Cerebral Palsy.

Selain daripada aktiviti di pentas, terdapat juga booth daripada Persatuan Ibu Tunggal yang menjual hasil kraftangan mereka. KPWK juga telah membuka kaunter pendaftaran BKIT khas untuk para peserta. Dianggarkan seramai 270 orang termasuk VIP, peserta dan petugas telah hadir ke program ini.

Program diteruskan dengan Sesi Penyampaian Bakul Makanan kepada 10 orang penerima daripada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). YB Timbalan Menteri KPWK turut menyampaikan cendera kenangan kepada Pengurus Ibu Tunggal Daerah Kota Marudu, MPKK Kg. Talantang dan juga Ketua Kampung Talantang.

PTP diteruskan dengan Program Ziarah Kasih di tiga (3) buah rumah Klien di Kampung Radu, Kota Marudu.



YB Timbalan Menteri KPWK beramah mesra dan menyampaikan Bakul Makanan kepada klien.

Seterusnya, YB Timbalan Menteri KPWK dan rombongan KPWK bertolak ke PPDK Pinggan-Pinggan, Pitas untuk Program Ramah Mesra bersama Pelatih PPDK. Dalam program tersebut, YBTM menyampaikan ucapan aluan dan telah menyerahkan kit kesihatan yang mengandungi pelitup muka dan hand sanitizer kepada Penyelia PDK Pinggan-Pinggan.



YB Timbalan Menteri KPWK menyerahkan kit kesihatan kepada petugas PPDK Pinggan-Pinggan.

Kemudian, Program Ziarah Kasih diteruskan di Kampung Kalipuon.



YB Timbalan Menteri KPWKM beramah mesra dengan klien.



YB Timbalan Menteri KPWKM menyerahkan bakul makanan kepada suami klien.

Seterusnya, YB Timbalan Menteri KPWKM berkunjung ke PAWE Pitas untuk beramah mesra bersama warga emas di sana. Selepas memberikan ucapan aluan, YBTM KPWKM telah menyerahkan kit kesihatan yang mengandungi pelitup muka dan hand sanitizer kepada Pengerusi PAWE Pitas.


PTP KPWKM Edisi Negeri Sabah berakhir dengan Program Ziarah Kasih di Kampung Pinggan-Pinggan.



YB Timbalan Menteri KPWKM beramah mesra dengan ahli keluarga klien.

Rumusan dan Kesimpulan

Program Turun Padang KPWKM adalah satu program yang amat baik dan patut dilaksanakan secara tahunan. Ia merupakan program *touch point* yang menjurus kepada masyarakat setempat dan kumpulan sasar di akar umbi. Terdapat juga masyarakat setempat terutamanya di daerah-daerah yang terpencil kurang mendapat perhatian dan menerima lawatan daripada Kerajaan, jabatan dan agensi berasa teruja dan mengambil peluang terhadap semua bentuk perkhidmatan yang ditawarkan. Semoga Program Turun Padang KPWKM ini dapat membuka mata dan telinga semua pihak berkaitan dengan isu-isu yang dihadapi oleh rakyat terutamanya kumpulan sasar Kementerian.






Unit Komunikasi Korporat




TALIAN *Kasih*
15999

Aplikasi Whatsapp
019 26 15999 


Jumlah Panggilan Keseluruhan Bagi Tahun 2020





**TALIAN *Kasih*
15999**

**Aplikasi Whatsapp
019 26 15999**



TALIAN *Kasih*
15999

Aplikasi Whatsapp
019 26 15999





Pecahan Mengikut Jenis Panggilan

Tahun 2020

Bil	PERTANYAAN									ADUAN/ PERMOHONAN									Jumlah Keseluruhan Panggilan
	Bulan	Kanak-Kanak	Keganasan Rumah Tangga	Pengemis	Bantuan Kebajikan	Kaunseling	Oku	Warga Emas	Lain-Lain	Kanak-Kanak	Keganasan Rumah Tangga	Pengemis	Bantuan Kebajikan	Kaunseling	Oku	Warga Emas	Lain-Lain		
1	JAN	48	98	3	123	171	28	13	3707	83	24	14	16	1	8	6	0	4343	
2	FEB	79	101	9	318	269	55	17	3168	115	31	25	18	2	9	15	0	4231	
3	MAC	55	108	29	535	363	33	22	5803	78	39	17	229	0	4	11	0	7326	
4	APR	64	232	25	28101	405	18	16	17721	61	105	19	8334	2	5	21	0	55129	
5	MEI	94	308	42	9155	629	26	16	10215	82	112	25	9241	8	10	18	0	29981	
6	JUN	79	191	31	1676	425	107	17	9558	93	87	19	913	3	6	8	0	13213	
7	JUL	148	144	18	1253	365	168	25	9197	87	76	20	22	0	3	12	0	11538	
8	OGOS	122	149	26	1210	307	99	54	6063	77	63	25	43	2	4	9	0	8253	
9	SEP	126	129	26	598	384	28	14	4553	91	52	27	721	0	8	13	0	6770	
10	OKT	101	112	33	1376	492	26	20	6380	80	44	8	3549	1	3	15	0	12240	
11	NOV	102	116	36	1532	665	46	26	6452	61	49	14	2862	3	7	8	0	11979	
12	DIS	95	113	34	1955	589	68	26	6193	92	57	10	346	2	11	11	0	9602	
	JUMLAH	1113	1801	312	47832	5064	702	266	89010	1000	739	223	26294	24	78	147	0	174605	

**Pecahan Aduan Mengikut Negeri 2020
(Kes Keganasan Rumah Tangga)**




**Nota:**

- Perkhidmatan telekaunseling di Talian Kasih bermula pada 25 Mac 2020.
- Panggilan berkaitan telekaunseling yang diterima melibatkan isu berkaitan sokongan emosi. Antaranya masalah keluarga, masalah tekanan/anxiety/panic attack akibat pandemik COVID-19. Terdapat juga isu berkaitan kehilangan pekerjaan yang mana memberi kesan secara langsung kepada pendapatan individu/keluarga.
- Kaunselor yang bertugas adalah kaunselor berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM).
- Perkhidmatan telekaunseling di Talian Kasih adalah setiap hari iaitu bermula jam 8 malam sehingga 12 tengah malam.


Laporan Sosial Media KPWK (1 Januari 2020 – 31 Disember 2020)

Jumlah Pautan Daripada Pengguna Di Facebook



Sehingga penghujung Disember 2020, jumlah keseluruhan pengikut di Facebook adalah seramai **2,047,500.**


Jumlah Pengikut Facebook Page



Sehingga penghujung Disember 2020, jumlah keseluruhan pengikut di Facebook Page adalah seramai

269,346.


Jumlah Tweet di Twitter KPWKM



Sehingga penghujung Disember 2020, jumlah keseluruhan Tweet adalah sebanyak

310.


Jumlah Followers di Twitter KPWK



Sehingga penghujung Disember 2020, jumlah keseluruhan pengikut adalah seramai **5,267.**




Jumlah Pautan daripada Pengguna di Instagram



Sehingga penghujung Disember 2020, jumlah keseluruhan pengikut di Instagram adalah seramai **94,865**.

Jumlah Pengikut di Instagram



Sehingga penghujung Disember 2020, jumlah keseluruhan pengikut di Instagram adalah seramai

9,969.

Program YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



PROGRAM YB MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Pengenalan


Dalam mendepani cabaran globalisasi dan urbanisasi, misi Kementerian Pembangunan Keluarga, Wanita dan Masyarakat (KPWKM) d ialah menjadi peneraju utama dalam menjayakan program kebijakan dan kesejahteraan masyarakat yang lebih komprehensif, kondusif dan dinamik agar kesejahteraan rakyat tersu berkekalan.

Selain menyediakan perkhidmatan yang lebih baik dan bersasar untuk golongan yang berkelayakan, KPWKM juga berperanan memastikan pembangunan masyarakat dan kumpulan sasar diurus dengan baik supaya dapat menikmati kehidupan yang selesa, selamat dan mampan. Ini adalah bertepatan dengan VISI KPWKM yang menjadi Peneraju dalam Pembangunan Masyarakat ke arah kemakmuran bersama. Digiatkan dengan MISI KPWKM untuk Membangun masyarakat sejahtera secara inklusif dan saksama melalui inovasi sosial dan kebijakan produktif.

Justeru itu, bagi memastikan OBJEKTIF KPWKM terlaksana, YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun telah bersama-sama dengan jabatan dan agensi telah melakukan aktiviti turun padang bagi mendengar rintihan, aduan dan keperluan asas kumpulan sasar khususnya dapat direalisasikan.

TERIMA KASIH KEPADA SUMBANGAN : KPWKM MENGHADAPI PANDEMIK COVID -19





TAUTAN KASIH KPWK DI INSTITUSI





KPWKM TETAP DI HATI





Unit
Integriti



Pencapaian

Inisiatif/program/ pelan strategik/garis panduan/dasar terkini	Bilangan program/ lokasi/operasi	Peruntukan (jika berkaitan)	Bilangan institusi yang ada	Bilangan klien yang mendapat manfaat	Kejayaan penerima manfaat (Success story)	Rakan strategic (NGO/ Korporat)
Memperkenalkan amalan nilai murni, meningkatkan tahap kesedaran serta kefahaman warga KPWKM dan agensi di bawahnya mengenai pembudayaan integriti;	Program Pengukuhan Integriti Secara Maya (Menerusi Kaedah Google Meet) Negeri Perak, Pulau Pinang dan Perlis 12 Jun 2020 (Jumaat)			27 Orang		
Meningkatkan komitmen warga KPWKM dan agensi mengenai peranan yang boleh dilaksanakan oleh setiap individu dalam mengukuhkan integriti; dan	Program Pengukuhan Integriti Secara Maya (Menerusi Kaedah Google Meet) Negeri Kedah, Terengganu dan Kelantan 16 Jun 2020 (Selasa)			28 Orang		
	Program Pengukuhan Integriti Secara Maya (Menerusi Kaedah Google Meet) Negeri Sembilan dan Pahang 18 Jun 2020 (Khamis)			33 Orang		
	Program Pengukuhan Integriti Secara Maya (Menerusi Kaedah Google Meet) Negeri Melaka dan Johor 22 Jun 2020 (Isnin)			26 Orang		



Inisiatif/program/ pelan strategik/garis panduan/dasar terkini	Bilangan program/ lokasi/operasi	Peruntukan (jika berkaitan)	Bilangan institusi yang ada	Bilangan klien yang mendapat manfaat	Kejayaan penerima manfaat (Success story)	Rakan strategic (NGO/ Korporat)
Mendapatkan kerjasama warga KPWKM serta agensi di bawahnya bagi membantu menyebarluaskan kefahaman dan kesedaran mengenai kepentingan integriti sebagai budaya kerja serta budaya kehidupan.	Program Pengukuhan Integriti Secara Maya (Menerusi Kaedah Google Meet) Negeri Sarawak 24 Julai 2020 (Jumaat)			24 Orang		
	Program Pengukuhan Integriti Secara Maya (Menerusi Kaedah Google Meet) Negeri Sabah 29 Julai 2020 (Rabu)			49 Orang		
	Program Pengukuhan Integriti Secara Maya (Menerusi Kaedah Google Meet) JKM (Institusi) 11 Ogos 2020 (Selasa)			69 Orang		
	Program Pengukuhan Integriti Secara Maya (Menerusi Kaedah Google Meet) KPWKM, JKM, JPW, LPPKN dan ISM 14 Ogos 2020 (Jumaat)			57 Orang		


Unit Audit Dalam





1. PENCAPAIAN AUDIT

Pada tahun 2020, halangan pergerakan yang disebabkan oleh pandemik Covid-19 menyebabkan UAD hanya mampu melaksanakan sebanyak 22 program pengauditan melibatkan pengauditan pengurusan kewangan, pengauditan perolehan, pengauditan susulan, pemeriksaan mengejut, penampilan Audit dan pengauditan khas berbanding 32 program yang dirancang. Pecahan seperti berikut:



2. PENEMUAN AUDIT

2.1 Pengauditan Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan merupakan satu proses bagaimana sumber kewangan diuruskan secara bertanggungjawab mengikut garis panduan dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan bagi mencapai objektif Kementerian/Agensi/Jabatan. Bagi mewujudkan tadbir urus kewangan yang baik, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan kawalan dalam terhadap elemen-elemen dalam pengurusan kewangan dilaksanakan dan dipatuhi.

Dalam pengauditan pengurusan kewangan, prestasi pematuhan PTJ terhadap garis panduan dan peraturan kewangan dinilai berdasarkan enam (6) aspek kawalan yang disemak iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan.


Pada tahun 2020, sebanyak dua (2) PTJ telah dilaksanakan pengauditan pengurusan kewangan melibatkan dua (2) PTJ di bawah JKM dan JPW seperti di **Jadual 3**.

JADUAL 3
SENARAI PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN
TAHUN 2020

Bil.	Nama Jabatan/Agenzi/Institusi Terlibat
1.	Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Johor
2.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang

Pencapaian tahap pematuhan pengurusan kewangan PTJ adalah seperti di **Carta 1**.

CARTA 1
PENCAPAIAN TAHAP PEMATUHAN PENGURUSAN
KEWANGAN





2.2 Pengauditan Pengurusan Perolehan

Objektif pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada Kementerian/ Jabatan/Agensi melaksanakan pengurusan perolehan berdasarkan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta diuruskan secara cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

Pada tahun 2020, sebanyak tiga (3) pengauditan pengurusan perolehan telah dilaksanakan seperti berikut.

SENARAI PENGAUDITAN PEROLEHAN TAHUN 2020



Antara penemuan Audit yang perlu diambil perhatian dan tindakan Ketua Jabatan adalah: perolehan yang dilaksanakan tidak didaftarkan dalam GPIS; Laporan JPKA tidak dijana dan dicetak melalui sistem GPIS setiap suku tahun; perolehan yang melebihi RM20,000 setahun telah dibuat secara pembelian terus; perolehan harta modal tersalah caj di bawah penyelenggaraan; tiada kelulusan Pegawai Pengawal untuk perolehan harta modal; *integrity pact* tidak dilaksanakan; kontrak formal tidak disediakan; kontrak perjanjian tidak disemak oleh Penasihat Undang-undang; kontrak perjanjian lewat ditandatangani melebihi tempoh empat (4) bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan; kontrak perjanjian lewat/tidak dimatikan setem dan Arahan Pembayaran yang tidak disertakan dengan dokumen yang lengkap.

2.3 Pengauditan Susulan

Pada tahun 2020, UAD telah melaksanakan satu (1) pengauditan susulan pengurusan kewangan di Taman Sinar Harapan Jubli, Johor. Objektif pengauditan ini bertujuan memastikan teguran UAD dalam Laporan Pengauditan Pengurusan Kewangan yang lalu telah diambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan sewajarnya.

2.4 Pemeriksaan Mengejut

Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan untuk memastikan pegawai yang bertanggungjawab telah menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala.

Pada tahun 2020, UAD telah menjalankan pemeriksaan mengejut di 12 Pusat Tanggungjawab (PTJ) meliputi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di bawah JKM. Antara penemuan Audit adalah seperti berikut:






2.5 Penampilan / Pematuhan Audit

Pada tahun 2020, UAD telah melaksanakan satu (1) penampilan Audit ICT dan satu (1) pematuhan Audit terhadap Pengurusan Aset dan Stor di KPWKM.

2.5.1 Penampilan Audit ICT KPWKM

Penampilan Audit ICT telah dilaksanakan di Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), Bahagian Akaun (BA) dan Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) KPWKM bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti pengurusan ICT dengan memastikan kawalan dalaman, pematuhan terhadap peraturan-peraturan yang ditetapkan serta memastikan kementerian menyelenggara dan mengemaskini rekod-rekod pengurusan ICT dengan lebih teratur. Antara penemuan Audit adalah:



2.5.2 Pematuhan Audit Terhadap Pengurusan Aset dan Stor KPWKM

Pematuhan Audit terhadap pengurusan aset dan stor KPWKM telah dilaksanakan di Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) dan Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) bertujuan bagi memastikan sama ada Pengurusan Aset Dan Stor KPWKM telah dilaksanakan mengikut Tatacara Pengurusan Aset Alih dan Stor Kerajaan yang ditetapkan. Antara penemuan Audit adalah:

-
- 01** Laporan Tahunan Aset Tak Ketara tidak disediakan
 - 02** Pegawai penerima aset dan barang stok dalam sistem iGFMAS bukan pegawai yang dilantik dalam AP11
 - 03** Aset tak ketara yang diperolehi tidak daftarkan dalam KEW.ATK-4
 - 04** Penerimaan barang-barang stor tidak direkodkan dalam KEW.PS-1
 - 05** Perolehan barang kesihatan/ program/ cenderamata yang diterima tidak daftarkan sebagai stor

2.6 Pengauditan Khas

Unit Audit Dalam diberikan tanggungjawab untuk membuat pengesahan atau verifikasi data baki awal aset dan liabiliti pada tarikh 31 Disember 2019 dan 30 Jun 2020 yang dikemukakan oleh Bahagian Akaun, KPWKM. Pengesahan data baki awal aset dan liabiliti terdiri daripada Aset Tak Ketara, Aset Tak Alih Tanah dan Aset Alih. Ini sebahagian daripada persediaan ke arah Amalan Perakaunan Akruan Kementerian yang telah dilaksanakan mulai tahun 2018.



3. JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit (JKA) di Kementerian ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.2. Objektif penubuhan Jawatankuasa Audit adalah untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh Unit Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara dan memastikan tindakan *preventive* dan *corrective* diambil oleh pihak pengurusan supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang.

3.1 Keahlian Jawatankuasa Audit



3.2 Kekerapan Mesyuarat

Pada tahun 2020, sebanyak tiga (3) mesyuarat JKA telah diadakan bagi membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam dan/atau Jabatan Audit Negara seperti mana objektif penubuhannya Minit mesyuarat JKA dikemukakan ke Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi, Kementerian Kewangan sebelum 15 haribulan selepas suku tahun berikutnya. Mesyuarat JKA bagi tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 5.**

JADUAL 5

MESYUARAT JKA YANG DIADAKAN BAGI TAHUN 2020

Bil.	Bilangan Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat
1.	JKA KPWKM BIL. 1/2020	01.07.2020
2.	JKA KPWKM BIL. 2/2020	05.10.2020
3.	JKA KPWKM BIL. 3/2020	21.12.2020

4. AKTIVITI-AKTIVITI UNIT AUDIT DALAM



Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 2/2020 yang dipengerusikan oleh Dato' Dr KSU.



Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 3/2020 yang dipengerusikan oleh TKSU Operasi.



Pengauditan Pengurusan Kewangan di JKMN Pahang



Perbincangan Pemurnian Kertas Kerja UAD 2020

Jabatan Kebajikan Masyarakat



1. Kembara Prihatin Negara

KEMBARA PRIHATIN NEGARA merupakan inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang menyedari akan keperluan untuk agensi dibawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk menyantuni rakyat yang terkesan susulan daripada pandemik COVID 19. Tema program Kembara Prihatin Rakyat adalah **"Tautan Sepakat Membantu Rakyat"**.







Statistik Pelaksanaan	
368	Program telah berlangsung
33,672	Klien telah disalurkan bantuan
6,415	Aduan telah diterima
15	Negeri telah disantuni

2. Hero Jaket Oren Sewaktu Pandemik Covid 19

i. Bertugas Di Stesyen-Stesyen Kuarantin Covid-19

Tahun 2020 merupakan tahun mencabar dalam mendepani ancaman Covid-19 yang melanda Negara. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah diberikan tanggungjawab untuk bertugas di Stesyen-Stesyen Kuarantin Covid-19 yang diaktifkan. Antara tugas dan tanggungjawab JKM di Stesyen-Stesyen Kuarantin Covid-19 adalah seperti berikut:-




Di samping itu juga, JKM turut terlibat bertugas di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah di MAEPS Serdang (PKRC MAEPS) 1.0 dan 2.0 bermula 16 April 2020 hingga 15 Julai 2020 dan diaktifkan semula pada 8 Disember 2020. Peranan dan Tanggungjawab JKM di PKRC MAEPS 2.0 ini adalah seperti berikut:-

- a. Menyelaras tempahan makan minum untuk pesakit dan petugas;
- b. Menyelaras tempahan penginapan di hotel untuk petugas; dan
- c. Menerima dan mengagihkan sumbangan dari NGO, korporat swasta dan individu-individu kepada pesakit dan petugas.

ii. Bertugas Di Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)

Kerajaan melalui Warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 31 Mei 2021 (P.U.(A)243) Peraturan Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam kawasan Tempatan Jangkitan) (No.2) 2021 telah menyenaraikan perkhidmatan keselamatan,pertahanan,kecemasan, Kebajikan dan Bantuan Kemanusian sebagai senarai Perkhidmatan Perlu. Oleh itu, Tugas JKM yang diiktiraf sebagai *Frontliner* tetap komited membantu masyarakat dalam mendepani pandemik Covid19 terutamanya di kawasan kawasan yang telah diwartakan sebagai Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab bukan sahaja dari segi penyelarasan barang makanan, kesejahteraan kesihatan psikososial kumpulan sasar juga dititikberatkan. Oleh itu, JKM di peringkat Negeri telah membuka bilik-bilik gerakan untuk membantu penduduk yang memerlukan khidmat kaunseling.




iii. Agihan Bakul Makanan



Bakul makanan yang berdasarkan makanan kering telah diagihkan secara bersasar kepada penduduk. Inisiatif pihak Kementerian menerusi JKM ini tidak terhenti setakat itu sahaja, JKM juga menjadi pemudahcara terhadap penyediaan keperluan khas seperti ubat-ubatan, susu bayi serta barang lain yang dikategorikan perlu untuk penduduk yang terjejas. Sejumlah 900,000 bantuan berupa bakul makanan diagihkan kepada ketua isi rumah yang berjaya memberi manfaat kepada lebih 3.6 juta rakyat di seluruh negara.

B. BANTUAN KEWANGAN KEBAJIKAN

1. Bilangan Kes Dan Jumlah Perbelanjaan Bantuan Kewangan Kebajikan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2020





**Jumlah Kes
506,070**

**Jumlah Peruntukan
RM 1,809,839,885**

Sehingga Disember tahun 2020, seramai 506,070 kes penerima bantuan kewangan Kebajikan dengan jumlah peruntukan yang dibelanjakan adalah sebanyak RM1,809,839,885. Negeri Sabah adalah penyumbang bilangan kes yang tertinggi iaitu sebanyak 62,660 kes.

dengan jumlah peruntukan perbelanjaan sebanyak RM219,218,930 diikuti dengan negeri Sarawak dengan bilangan kes sebanyak 51,124 dengan jumlah peruntukan perbelanjaan sebanyak RM179,268,601 dan ketiga yang tertinggi adalah negeri Johor sebanyak 50,768 kes dengan jumlah peruntukan perbelanjaan sebanyak RM186,408,674.


2. Bilangan Kes Dan Jumlah Perbelanjaan Bantuan Kewangan Kebajikan Mengikut Jenis Bantuan Bagi Tahun 2020



Jumlah Peruntukan
RM 1,809,839,885

Bantuan Orang Tua (BOT) merupakan penyumbang bilangan kes yang tertinggi iaitu sebanyak 138,631 dengan jumlah peruntukan perbelanjaan sebanyak RM575,146,399 diikuti dengan Bantuan Am (BA) dengan bilangan kes sebanyak 103,979 dengan jumlah peruntukan perbelanjaan sebanyak RM281,324,589 dan yang ketiga tertinggi adalah Elaun Pekerja Cacat (EPC) sebanyak 89,255 kes dengan jumlah peruntukan perbelanjaan sebanyak RM420,470,313.

3. Bilangan Kes Dan Jumlah Perbelanjaan Bantuan Kewangan Kebajikan Mengikut Etnik Bagi Tahun 2020



Etnik Melayu merupakan penyumbang bilangan kes yang tertinggi iaitu sebanyak 284,917 dengan jumlah peruntukan perbelanjaan sebanyak RM1,018,939,855 diikuti dengan etnik Cina dengan bilangan kes sebanyak 83,502 dengan jumlah peruntukan perbelanjaan sebanyak RM298,623,581 dan ketiga yang tertinggi adalah etnik India sebanyak 55,668 kes dengan jumlah peruntukan perbelanjaan sebanyak RM199,082,387.

C. SAMBUTAN HARI-HARI UTAMA


1. HARI WARGA EMAS

Majlis Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan Tahun 2020 yang telah diadakan pada 1 Oktober. Objektif penganjuran majlis ini antaranya memberi kesedaran mengenai impak pandemik covid-19 terhadap isu penuaan. Disamping itu, majlis ini juga dapat mengeratkan hubungan dan kerjasama intergenerasi dalam memupuk sikap prihatin dan masyarakat penyayang. Sayangilah dan hormatilah Warga Emas.



2. HARI KANAK-KANAK

Kanak-kanak merupakan aset negara pada masa depan. Sayangi dan berilah kasih sayang yang sebaiknya kepada mereka. Selamat menyambut Hari Kanak - Kanak Tahun 2020 bertemakan “**Bumi Lestari : Kanak - kanak Dilindungi**”.



Majlis Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 telah dirasmikan oleh YB Menteri KPWKM secara maya melalui Laman Sesawang KPWKM dan JKM. Pemenang bagi pertandingan yang dianjurkan sepanjang bulan sambutan telah diumumkan pada majlis ini. Adik Nuraina Erika Binti Abdullah (13 tahun) dari Kuantan, Pahang juga telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pingat Hang Tuah di atas jasa bakti

dan keberanian yang luar biasa dalam menyelamatkan adiknya dalam satu tragedi kebakaran.



3. HARI ORANG KURANG UPAYA





Penerima Anugerai Ibu Bapa Mithali OKU

Penerima Anugerah Majikan Prihatin (Swasta)

- i. McDonald's Malaysia
- ii. AEON Co.
- iii. Uniqlo Malaysia
- iv. Mydin Mohamed Holdings Berhad

Golongan OKU tidak pernah dipinggirkan malah diberi peluang sama rata dalam sektor pekerjaan. Terima kasih diucapkan kepada penerima majikan swasta yang terpilih kerana :-

- i. Memberi sokongan padu sebagai majikan dalam menggajikan OKU.
- ii. Menggunakan pendekatan perkhidmatan Job Coach.
- iii. Melatih *in-house Job Coach*.
- iv. Peratusan pekerja OKU melebihi 1% daripada jumlah keseluruhan pekerja.

Setiap OKU mempunyai potensi tersendiri serta mampu menyumbang ke arah pembangunan negara. Sama-sama kita bangkitkan sokongan kepada OKU dan jadikan mereka sebagai contoh dan aspirasi untuk berjaya.

Jabatan Pembangunan Wanita





BIL	PENCAPAIAN KPWK 2020 (BANTUAN)	BILANGAN KES
1	Bantuan Kanak-kanak (BKK)	62,673
2	Bantuan Orang Tua (BOT)	137,604
3	Elaun Pekerja Cacat (EPC)	88,853
4	Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	77,724
5	Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit (BPT)	25,434
6	Bantuan Am (BA)	103,466
7	Bantuan Latihan Perantis (BLP)	216
8	Bantuan Anak Pelihara	422
9	Geran Pelancaran (GP)	414
10	Tabung bantuan segera (TBS)	4,347
11	Bantuan alat tiruan/sokongan (BAT)	1,097
12	Bantuan Khas Ibu Tunggal	150,000
13	Maklumat Kajian Dan Penerbitan Institut Sosial Malaysia 2020	5 buah terbitan

BIL	SAMBUTAN KPWK 2020 (SAMBUTAN)	TARIKH
1	Sambutan Hari Wanita Kebangsaan	25 Ogos 2020
2	High Level Policy Dialogue on Women and The Economy	30 September 2020
3	Sambutan Hari Ibu	2 Mei 2020
4	Sambutan hari Bapa	2 Jun 2020
5	Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan	Sepanjang November
6	Sambutan Hari Warga Emas	1 Oktober 2020
7	Sambutan Hari OKU Kebangsaan	3 Disember 2020

BIL	SAMBUTAN PROGRAM KPWK 2020 (PENCAPAIAN)	JUMLAH PROGRAM
1	Program Pembangunan Remaja Kafe@TEEN Sepanjang Tahun 2020	15
2	6th International Conference on Human Sustainability (INSAN)	19 Ogos 2020
3	Webinar Keselamatan Kanak-Kanak 2020	10 November 2020
4	ISM Social Talk	4

Institut Sosial Malaysia





Pengenalan

Institut Sosial Malaysia (ISM), sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang mula beroperasi pada tahun 2002. Institut yang bertaraf Institut Latihan Awam (ILA) merupakan sebuah pusat kecemerlangan (*Centre of Excellent*) dalam bidang kerja sosial dan pembangunan sosial. ISM menjalankan latihan, kursus, seminar, bengkel, forum, persidangan di seluruh negara merangkumi peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sebagai pemikir (think tank) kepada pembangunan sosial negara, ISM bukan hanya menawarkan program latihan berkualiti, tetapi turut menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan terkini yang mengetengahkan isu-isu sosial sejagat. Dalam usaha untuk meningkatkan kredibiliti ISM sebagai sebuah pusat kecemerlangan dalam bidang sosial, ISM turut menjalankan kolaborasi strategik dengan pihak berkepentingan untuk menyebarluaskan lagi perkhidmatannya kepada setiap lapisan masyarakat.

Fungsi Utama Jabatan/ Agensi

Fungsi utama ISM adalah untuk:

- i) Menyediakan latihan dan rundingan kepada penjawat awam, pekerja sosial dan pengamal sosial;
- ii) Membuat kajian secara dalaman atau bersama entiti luar berkenaan isu sosial; dan
- iii) Menerbitkan bahan-bahan ilmiah dalam bidang sosial.

Peranan dan fungsi Bahagian /Unit

ISM terdiri daripada empat (4) kluster utama iaitu Kluster Pembangunan Rundingan Sosial, Kluster Pembangunan Kerja Sosial, Kluster Penyelidikan dan Pembangunan serta Kluster Repotori dan Dokumentasi serta tujuh (7) unit yang menyokong pelaksanaan fungsi-fungsi di bawah ISM.

Kluster Pembangunan Rundingan Sosial

Kluster Pembangunan Rundingan Sosial (KPRS) bertanggungjawab untuk merancang, melaksana, memantau dan menilai latihan (kursus/ bengkel/ seminar/ program dan lain-lain aktiviti) kepada peserta-peserta dari pelbagai lapangan iaitu agensi awam, swasta, Institut Pengajian Tinggi, Badan Bukan Kerajaan dan individu. Kluster ini turut melaksanakan rundingan bagi program/ aktiviti bersama komuniti, sukarelawan dalam bidang sosial.

Kluster Pembangunan Kerja Sosial

Kluster Pembangunan Kerja Sosial (KPKS) bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan program, kursus dan bengkel pembangunan kompetensi dalam bidang kerja sosial kepada penjawat awam khususnya skim perkhidmatan sosial. KPKS dengan kerjasama Persatuan Pekerja Sosial Malaysia serta universiti-universiti tempatan turut menganjurkan persidangan kebangsaan dan antarabangsa dalam bidang sosial.

Kluster Penyelidikan dan Pembangunan

Kluster Penyelidikan dan Pembangunan (PP) berperanan untuk merancang, menyelaras dan mengendalikan penyelidikan berkaitan sosial dan pembangunan sosial. Kluster PP juga menyelaras penyelidikan yang dilaksanakan secara *in-house* khususnya kepada isu-isu yang memerlukan intervensi segera seperti kajian tinjauan berkaitan

impak terhadap kumpulan sasar KPWKM dalam tempoh COVID-19 daripada pelbagai aspek sosio-ekonomi. Kluster ini juga berperanan menyediakan platform rundingan serta kolaborasi dalam bidang penyelidikan sosial sama ada secara dalaman atau khidmat nasihat daripada pakar penyelidik dalam bidang berkaitan.

Kluster Repotori dan Dokumentasi

Kluster Repotori dan Dokumentasi (KRD) bertanggungjawab dalam merancang, menerbit serta memperkasa penerbitan secara ilmiah dan bukan ilmiah di bawah nama Institut Sosial Malaysia (ISM) dalam pelbagai bentuk seperti bentuk jurnal, buku, laporan dan majalah. Selain itu, Kluster ini turut bertanggungjawab sebagai repositori bagi menyimpan dan merekod semua bahan penerbitan ISM, hasil kajian serta penyelidikan dalam bentuk manual dan digital serta menyelaras dan mengumpul data-data relevan dalam bidang sosial.

Pencapaian

Inisiatif/ program/ pelan strategik/ garis panduan/ dasar terkini	Bilangan program/ lokasi/ operasi	Bilangan institusi yang ada		Success story (kejayaan penerima manfaat)	Rakan strategik (NGO/ Korporat)
KLUSTER PEMBANGUNAN KERJA SOSIAL					
Kursus Pengenalan Kerja Sosial	Institut Sosial Malaysia 9 – 21 Feb 2020		28 orang peserta		
Kursus Pemahaman Teori-Teori Sosial Siri 1/2020 (ISM)	Institut Sosial Malaysia 2 – 6 Mac 2020		32 orang peserta		
Kursus <i>Neuro Linguistic Psychotherapy (NLPt) Practitioner</i> untuk Pekerja Sosial Siri 1/2020	Institut Sosial Malaysia 2 – 5 Mac 2020		27 orang peserta		
Kursus <i>Neuro Linguistic Psychotherapy (NLPt) Practitioner</i> untuk Pekerja Sosial Siri 2/2020	Secara dalam talian 30 Jun – 2 Julai 2020		72 orang peserta		
Kursus <i>Neuro Linguistic Psychotherapy (NLPt) Practitioner</i> untuk Pekerja Sosial Siri 3/2020	Secara dalam talian 27 – 29 Ogos 2020		42 orang peserta		



Inisiatif/ program/ pelan strategik/ garis panduan/ dasar terkini	Bilangan program/ lokasi/ operasi	Bilangan institusi yang ada	Bilangan klien yang mendapat manfaat	Success story (kejayaan penerima manfaat)	Rakan strategik (NGO/ Korporat)
Bengkel Pembangunan dan Semakan Kurikulum Kursus Kerja Sosial	Institut Sosial Malaysia 16 Julai 2020		18 orang peserta		
ISM Social Talk Bil. 1/2020	Institut Sosial Malaysia 14 Februari 2020		300 orang peserta		
ISM Social Talk Bil. 2/2020	Secara Dalam Talian Melalui facebook rasmi ISM 27 Julai 2020		856 orang penonton		
ISM Social Talk Bil. 3/2020	Secara Dalam Talian Melalui facebook rasmi ISM 11 November 2020		1,200 orang penonton		
ISM Social Talk Bil. 4/2020	Secara Dalam Talian Melalui facebook rasmi ISM 27 November 2020		2,300 orang penonton		
KLUSTER PEMBANGUNAN RUNDINGAN SOSIAL					
Bengkel Pembimbing Komuniti	11 – 13 Februari 2020		45 orang peserta		
Bengkel Kemahiran Penjaga (Caregiver)	3 – 7 Februari 2020		40 orang peserta		
Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA Siri 1/2020	2 Mac hingga 10 April 2020 (telah berlangsung sehingga 17 Mac sahaja)		40 orang peserta		
Kursus Pendedahan Pelaksanaan Kursus Dalam Talian Kepada Pegawai ISM & Pegawai JKM	29 – 30 Jun 2020		25 orang peserta		

Inisiatif/ program/ pelan strategik/ garis panduan/ dasar terkini	Bilangan program/ lokasi/ operasi	Bilangan institusi yang ada	Bilangan klien yang mendapat manfaat	Success story (kejayaan penerima manfaat)	Rakan strategik (NGO/ Korporat)
Bengkel Perbincangan Pembangunan Garis Panduan Kursus Bengkel Mesyuarat Pasca PKP ISM Siri 1/2020	24 Jun 2020		14 orang peserta		
Kursus Asuhan Dan Didikan Awal Kanak-Kanak Permata Siri 1 (Sambungan) di Hotel Impian Morib, Banting, Selangor	27 Jun – 10 Julai 2020		45 orang peserta		
Kursus Asuhan Dan Didikan Awal Kanak-Kanak Permata Siri 2 di Hotel Impian Morib, Banting, Selangor	12 Julai – 8 Ogos 2020		90 orang peserta		
Bengkel Perbincangan Pembangunan Garis Panduan Kursus Bengkel Mesyuarat Pasca PKP ISM Siri 2/2020	15 Oktober 2020		30 orang peserta		
Kursus Asuhan Dan Didikan Awal Kanak-Kanak Permata Zon Timur (Kelantan) 2020 di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan	18 Julai 2020 – 21 Ogos 2020		90 orang peserta		
Bengkel Disability Equality Training (DET) Dalam Talian 2020	6 Ogos 2020		16 orang peserta		
Kursus Certified Neuro-Linguistic Psychotherapy (NLPT) Practitioner (MSNLP) SIRI 1/2020	17 hingga 19 ogos 2020		35 orang peserta		
Bengkel Kesukarelawan (Asas)	28 September hingga 2 Oktober 2020		25 orang peserta		
Kursus Kepekaan Gender Tahap 1 (Secara Dalam Talian)	13 hingga 15 Oktober 2020	Bilik Kuliah 2, ISM	31 orang peserta		



Inisiatif/ program/ pelan strategik/ garis panduan/ dasar terkini	Bilangan program/ lokasi/ operasi	Bilangan institusi yang ada	Bilangan klien yang mendapat manfaat	Success story (kejayaan penerima manfaat)	Rakan strategik (NGO/ Korporat)
KLUSTER PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN					
Social Research Day Siri 1/2020 (Utara)			43 orang peserta	Buku Kompilasi Artikel Pembentangan Sosial Research Program	Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP)
Kajian Mengenai Sistem Sokongan Kepada Penjaga OKU di Malaysia	Penjaga OKU Seluruh Malaysia		Hasil dapatan akan digunakan sebagai input bagi pembangunan dan penambahbaikan kumpulan penjaga OKU seluruh Malaysia		Aufa Enterprise Sdn. Bhd.
Kajian Mengenai Sistem Sokongan Kepada Penjaga OKU di Malaysia	Penjaga OKU Seluruh Malaysia		Hasil dapatan akan digunakan sebagai input bagi pembangunan dan penambahbaikan kumpulan OKU dalam bidang pekerjaan di Malaysia		Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
KLUSTER REPOSITORI DAN DOKUMENTASI					
Penerbitan 2020 <i>International Journal of Social Policy and Society</i> Vol.15/2019					
Majalah Paradigma Sosial 2019					
Laporan Tahunan ISM 2019					
Proceeding Of International Social Work Symposium					
Kompilasi Variasi Sorotan Literatur Sosial Siri 1 & 2					
Buku Pengurusan Kes Kerja Sosial					

Inisiatif/ program/ pelan strategik/ garis panduan/ dasar terkini	Bilangan program/ lokasi/ operasi	Bilangan institusi yang ada	Bilangan klien yang mendapat manfaat	Success story (kejayaan penerima manfaat)	Rakan strategik (NGO/ Korporat)
KLUSTER REPOSITORY DAN DOKUMENTASI					
Bengkel Pembangunan dan Semakan Modul Siri 1/2020	20 - 22 Januari 2020	ISM	11 orang peserta		
Bengkel Pembangunan dan Semakan Modul Siri 2/2020	10 – 12 Mac 2020	ISM	11 orang peserta		
Bengkel Kajian Kes ke Buku Siri 1/2020	17 Mac 2020	ISM	11 orang peserta		
Bengkel Kajian Kes ke Buku Siri 2/2020	18 – 19 Jun 2020	ISM	11 orang peserta		
Bengkel Penulisan Buku Pengurusan Kes	7 - 8 Julai 2020	ISM	20 orang peserta		
Bengkel Kajian Kes Buku Siri 3	27 - 28 Julai 2020	ISM	12 orang peserta		
Bengkel Garis Panduan Penerbitan	11-14 Ogos 2020	Hotel Ibis, Melaka	12 orang peserta		Mtech Trading & Services
Bengkel Pemurnian Penulisan Buku Pengurusan Kes	1 September 2020	ISM	20 orang peserta		
Bengkel Pemurnian Kajian Kes ke Buku	3 – 4 September 2020	ISM	11 orang peserta		
Kursus Pembacaan Pruf Profesional	7 - 8 September 2020	Akademi Dewan Bahasa Pustaka	12 orang peserta		Dewan Bahasa dan Pustaka
Bengkel Penyediaan Garis Panduan Penerbitan	25 – 26 November & 3 – 4 Disember 2020	ISM	12 orang peserta		Mtech Trading & Services



Inisiatif/ program/ pelan strategik/ garis panduan/ dasar terkini	Bilangan program/ lokasi/ operasi	Bilangan institusi yang ada	Bilangan klien yang mendapat manfaat	Success story (kejayaan penerima manfaat)	Rakan strategik (NGO/ Korporat)
KLUSTER KECEMERLANGAN ORANG KURANG UPAYA					
Bengkel Disability Equality Training (DET) Siri 1/2020	11 Mac 2020		30 orang peserta		
Kursus Bahasa Isyarat Siri 1/2020 (ISM)	17 - 21 Feb 2020		40 orang peserta		
KLUSTER KECEMERLANGAN ORANG KURANG UPAYA					
Bengkel Dokumentasi MS ISO 9001:2015	26 - 27 Ogos & 2 Sept 2020		30 orang peserta		
Bengkel Audit Dalam MS ISO	2 & 28 - 29 Sep 2020		60 orang peserta		
Program Pengukuhan Integriti dan Nilai Murni	Jan – Ogos		1		
Program Pengukuhan Nilai Murni: 'Tazkirah Malam Jumaat'	Mac 2020		50 orang peserta		
Mesyuarat Hala Tuju dan Pelan Strategik ISM	7 - 9 Ogos 2020		20 orang peserta		
Bengkel Pengurusan Daftar Risiko MS ISO 9001:2015	9 Sep 2020		30 orang peserta		

Maklumat Kajian dan Penerbitan Institut Sosial Malaysia 2020


Kajian Peluang Pekerjaan Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia

Kajian ini dilaksanakan untuk melihat kepada pengumpulan data dan input berkenaan tanggapan dan harapan; permintaan dan penawaran tenaga kerja OKU dalam pasaran; pekerjaan di sektor formal dan tidak formal serta sokongan sedia ada dan yang diperlukan untuk OKU kekal dalam pekerjaan.




Kajian Mengenai Sistem Sokongan kepada Penjaga Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia

Kajian ini dilaksanakan untuk meneliti keperluan seperti sokongan sosial, ekonomi dan kesihatan termasuk mental penjaga kepada OKU yang berdaftar dengan JKM. Penjaga OKU ini terdiri daripada ahli keluarga serta ahli komuniti yang mempunyai peranan dalam penjagaan dan perlindungan golongan OKU berdaftar tersebut.




Penerbitan

Paradigma Sosial 2020



*International
Journal of
Social Policy
and Society*
(IJSPS)
VOLUME
15/2019






Kompilasi Varia Sorotan Literatur Sosial (Program Kajian Sosial dengan Kolaborasi Bersama Institut Sosial Malaysia dan Universiti Utara Malaysia)
VERSI 1/2020



Kompilasi Varia Sorotan Literatur Sosial (Program Kajian Sosial dengan Kolaborasi Bersama Institut Sosial Malaysia dan Universiti Utara Malaysia)
Versi 2/2020



Proceeding of the International Social Work Symposium Volume 2/2019 (Empowering People and Ensuring Inclusiveness and Equality)
VOLUME 2/2019

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara





Program

Program pendidikan dan pembangunan kemahiran serta perkhidmatan kesihatan reproduktif dan kaunseling yang telah dilaksanakan oleh Pusat Remaja dan Pusat Transit KafeTEEN pada tahun 2020 adalah seperti berikut:

BIL	PROGRAM	JUMLAH
1	Program Pendidikan dan Pembangunan Kemahiran	34,870 orang
2	Perkhidmatan Kesihatan Reproduktif Remaja	804 orang
3	Perkhidmatan Kaunseling Sosial	911 orang
4	Program Promosi dan Penerangan	35,056 orang

Program Inisiatif Baharu 2020

1) Aplikasi myKafeTEEN

1.1 LPPKN telah membangunkan Aplikasi Edutainment MyKafeTEEN yang turut memberi fokus kepada pendidikan dan perkhidmatan rundingcara kesihatan reproduktif dan seksual. Sepanjang tempoh pandemik COVID 19 yang bermula pada Mac 2020, LPPKN melalui Pusat Remaja KafeTEEN telah menyebarluaskan lagi perkhidmatan dan penyampaian maklumat Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial melalui platform ini. Aplikasi secara maya ini adalah bertujuan untuk mendidik dan memberikan khidmat sokongan kepada remaja khususnya kepada remaja yang *high risk* dan *most at risk*. Melalui aplikasi ini remaja mempunyai pilihan untuk tidak mendedahkan identiti mereka dan boleh berkongsi masalah peribadi berkaitan seksualiti menerusi platform *live forum* dan *Teen Chat*.

1.2 Antara perkhidmatan yang terdapat dalam aplikasi myKafeTEEN adalah seperti berikut:

- i) Teen Info : Artikel/ Infografik/ Video
- ii) Teen Buzz: Ruangan perkongsian pendapat/perbincangan berdasarkan topik yang dimuat naik oleh moderator/ teen educator.
- iii) Teen Chat : Khidmat nasihat MyCounselor (Kaunselor), MyDoctor (Pegawai Perubatan) dan MyFaith (Pakar Agama).

1.3 Data Aplikasi myKafeTEEN :

BIL	PROGRAM	JUMLAH
1.	Bilangan Pengguna myKafeTEEN	7,227 orang
2.	Teen Buzz	58 topik
3.	Teen info	
	Artikel	75 artikel
	Infografik	63 infografik
	Video	41 video
4.	Teen Chat	
	MyCounselor	128 isu
	MyDoctor	146 isu
	MyFaith	88 isu

2) Program Pengurusan Stres

2.1 Pelaksanaan Program Pengurusan Stres dalam Kalangan Remaja Semasa Gelombang Ketiga Pandemik COVID-19 oleh Pusat dan Transit Remaja KafeTEEN ini adalah bagi membantu remaja menguruskan masalah kemurungan atau stres semasa pandemik COVID-19. Pelaksanaan Program Pengurusan Stres ini dilaksanakan oleh Pusat dan Transit Remaja KafeTEEN seluruh negara bermula November sehingga Disember 2020.

2.2 Antara lain objektif utama pelaksanaan program ini adalah:

- i) Mengurangkan tahap stres remaja dengan melakukan aktiviti dan program sihat; dan
- ii) Memupuk jati diri dan resilien remaja kepada lebih positif agar tidak terjebak dalam kegiatan tidak sihat akibat stres.

2.3 Pengurusan stres ini dilaksanakan dalam dua medium iaitu dalam bentuk program fizikal dan dalam talian melalui platform Facebook, Twitter dan Instagram Pusat Remaja KafeTEEN Negeri yang melibatkan pelaksanaan sebanyak 109 buah program dengan penyertaan seramai 9,100 orang remaja.

3) Trak KafeTEEN

3.1 Sebuah projek rintis, Jom Chillout@KafeTEEN menggunakan trak KafeTEEN telah dilaksanakan oleh LPPKN pada bulan Disember 2020 di kawasan berisiko Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dan sambutan dalam kalangan remaja adalah menggalakkan, walaupun dalam suasana Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).



3.2 Objektif penubuhan Trak KafeTEEN adalah untuk:

- i. Menyebarluaskan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial serta perluasan perkhidmatan dan kemudahan KafeTEEN secara mobile;
- ii. Meningkatkan aksesibiliti perkhidmatan secara langsung kepada kumpulan sasar terutama yang berisiko seperti kawasan ‘hot spot’, miskin bandar dan luar bandar.
- iii. Merupakan salah satu perancangan di dalam penyediaan perkhidmatan dan hak kesihatan reproduktif dan seksual (SRHR) kepada golongan muda yang digariskan di dalam Sustainable Development Goals (SDG) RMK 12 – Matlamat Ketiga : Kesihatan dan Kesejahteraan. Ini juga sejajar dengan Teras Kelima Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 Negara, iaitu Kesejahteraan Sosial.

3.3 Sepanjang projek rintis ini dijalankan sebanyak 15 buah program telah dilaksanakan melibatkan 250 orang remaja yang berkunjung dan mendapatkan perkhidmatan di Trak KafeTEEN tersebut.

Lembaga Kaunselor



Statistik/data kumpulan sasar

Statistik Pendaftaran Kaunselor Berdaftar Sehingga 31 Disember 2020

 Bilangan Sesi Pendaftaran 10 Jumlah Didaftarkan 160 2000-2003	 Bilangan Sesi Pendaftaran 2 Jumlah Didaftarkan 26 2004	 Bilangan Sesi Pendaftaran 7 Jumlah Didaftarkan 176 2005	 Bilangan Sesi Pendaftaran 7 Jumlah Didaftarkan 163 2006
 Bilangan Sesi Pendaftaran 18 Jumlah Didaftarkan 494 2007	 Bilangan Sesi Pendaftaran 19 Jumlah Didaftarkan 530 2008	 Bilangan Sesi Pendaftaran 6 Jumlah Didaftarkan 200 2009	 Bilangan Sesi Pendaftaran 11 Jumlah Didaftarkan 351 2010
 Bilangan Sesi Pendaftaran 12 Jumlah Didaftarkan 250 2011	 Bilangan Sesi Pendaftaran 34 Jumlah Didaftarkan 1307 2012	 Bilangan Sesi Pendaftaran 41 Jumlah Didaftarkan 1452 2013	 Bilangan Sesi Pendaftaran 21 Jumlah Didaftarkan 594 2014
 Bilangan Sesi Pendaftaran 33 Jumlah Didaftarkan 727 2015	 Bilangan Sesi Pendaftaran 52 Jumlah Didaftarkan 707 2016	 Bilangan Sesi Pendaftaran 24 Jumlah Didaftarkan 608 2017	 Bilangan Sesi Pendaftaran 24 Jumlah Didaftarkan 614 2018
 Bilangan Sesi Pendaftaran 19 Jumlah Didaftarkan 675 2019	 Bilangan Sesi Pendaftaran 8 Jumlah Didaftarkan 306 2020		

Kaunselor Berdaftar Mengikut Negeri Dan Bangsa

Johor

618	0
93	0
40	3
Jumlah	
754	

Negeri Sembilan

334	2
43	0
37	1
Jumlah	
417	

Melaka

185	0
49	0
8	1
Jumlah	
243	

Selangor

1436	9
427	4
196	15
Jumlah	
2087	

Kuala Lumpur

376	10
204	9
66	21
Jumlah	
686	

Putrajaya

80	1
4	0
1	0
Jumlah	
86	

Kedah

677	0
53	0
33	1
Jumlah	
764	

Perlis

102	0
10	0
0	0
Jumlah	
112	

Pulau Pinang

265	0
132	0
29	3
Jumlah	
429	

Perak

541	1
79	0
45	2
Jumlah	
668	

Pahang

570	0
46	0
10	0
Jumlah	
626	

Kelantan

724	1
17	6
3	0
Jumlah	
751	

Terengganu

578	2
10	1
0	0
Jumlah	
591	

Sabah

293	249
38	13
8	89
Jumlah	
690	

Sarawak


179	11
117	109
2	17
Jumlah	
435	

Labuan

18	1
2	0
0	0
Jumlah	
21	

- Melayu
- Cina
- India
- Bumiputra Sabah
- Bumiputra Sarawak
- Lain-Lain

Kaunselor Berdaftar Mengikut Negeri Dan Jantina



Kaunselor Berdaftar Mengikut Negeri Dan Jenis Pekerjaan





Pencapaian

Inisiatif/program/ pelan strategik/garis panduan/dasar terkini	Bilangan program/ lokasi/operasi	Peruntukan (jika berkaitan)	Bilangan institusi yang ada	Bilangan klien yang mendapat manfaat	Success story (kejayaan penerima manfaat)	Rakan strategik (NGO/ Korporat)
Nota Khas Lembaga Kaunselor (Malaysia) Bil. 1-2020. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Sejarah dengan Perintah Kawalan Pergerakan-Krisis COVID-19			23 IPT	IPT Awam/ Swasta	IPT Awam/ Swasta	IPT Awam/ Swasta
Nota Khas Lembaga Kaunselor (Malaysia) Bil. 2-2020. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Sejarah dengan Perintah Kawalan Pergerakan-Krisis COVID-19			23 IPT	IPT Awam/ Swasta	IPT Awam/ Swasta	IPT Awam/ Swasta
Garis Panduan Pelaksanaan Praktikum dan Internship Kaunseling Lembaga Kaunselor (Malaysia) Bil. 1-2020. Pelaksanaan Praktikum dan Internship Kaunseling di Institusi Pengajian Tinggi Sejarah dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan – Krisis Wabak COVID-19			23 IPT	IPT Awam/ Swasta	IPT Awam/ Swasta	IPT Awam/ Swasta

Inisiatif/program/ pelan strategik/garis panduan/dasar terkini	Bilangan program/ lokasi/operasi	Peruntukan (jika berkaitan)	Bilangan institusi yang ada	Bilangan klien yang mendapat manfaat	Success story (kejayaan penerima manfaat)	Rakan strategik (NGO/ Korporat)
Garis Panduan Perkhidmatan Kaunseling Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian Lembaga Kaunselor (Malaysia) Bil. 1-2020. Garis Panduan Perkhidmatan Kaunseling Semasa Perintah Kawalan Pergerakan – Krisis Wabak COVID-19			Kaunselor Berdaftar	Kaunselor Berdaftar	Kaunselor Berdaftar	Kaunselor Berdaftar
Garis Panduan Perkhidmatan Kaunseling Keluarga dan Perkahwinan			Kaunselor Berdaftar	Kaunselor Berdaftar	Kaunselor Berdaftar	Kaunselor Berdaftar
Wawancara Anggota Lembaga Kaunselor bersama Selamat Pagi Malaysia	2		Umum	Umum	Umum	Umum
Wawancara Anggota Lembaga Kaunselor bersama Borak Kopitiam	1		Umum	Umum	Umum	Umum
Sukarelawan kaunselor berdaftar yang membantu Talian Khas COVID-19 Talian Kasih sepanjang tempoh PKP mulai 18 Mac 2020	1,075		Umum	Umum	Umum	Umum
Program Webinar sempena Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2020	14		Umum	Umum	Umum	Umum



Inisiatif/program/ pelan strategik/garis panduan/dasar terkini	Bilangan program/ lokasi/operasi	Peruntukan (jika berkaitan)	Bilangan institusi yang ada	Bilangan klien yang mendapat manfaat	Success story (kejayaan penerima manfaat)	Rakan strategik (NGO/ Korporat)
Slot Radio FM sempena Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2020	10		Umum	Umum	Umum	Umum
Advetorial dalam Sinar Harian berkaitan Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2020	1		Umum	Umum	Umum	Umum
Program Akademi Kesejahteraan Keluarga (AKS) FB Live KPWKM	8		Umum	Umum	Umum	Umum